



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

#### **Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG)**

- **Kementerian Kewangan (MOF):**
  - (i) YBhg Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- **Jabatan Kastam Diraja Malaysia:**
  - (i) YBhg Dato' Seri Paddy bin Abd Halim, Ketua Pengarah

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**RABU, 4 SEPTEMBER 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad - *Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]  
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II (Jurubahasa dan Terjemahan) Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]  
Encik Mohd Marzuni bin Muhamad [Pengarah Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi III)]  
Encik Azmi bin Hassan [Timbalan Pengarah Audit (Cawangan Audit Kementerian Kewangan), Sektor Audit Prestasi]  
Puan Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit), Sektor Audit Prestasi]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Jabatan Audit Negara (samb/-)**

Puan Halimatun binti Abu Bakar [Juruaudit (Cawangan Audit Kementerian Kewangan), Sektor Audit Prestasi]  
Encik Mohd Redza bin Abd Razak [Penolong Juruaudit (Cawangan Audit Kementerian Kewangan), Sektor Audit Prestasi]  
Tuan Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]

**Kementerian Kewangan**

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]  
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

**Jabatan Peguam Negara**

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]  
Puan Fatin binti Mohd Nor [Peguam Persekutuan (Unit Penswastan dan Pengurusan Kontrak)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Salwa Muharam [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

Dr. Mohd Shahrin bin Umar [Pengarah Bahagian Tenaga]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Kewangan**

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]  
Encik Ma. Sivanesan [Setiausaha Bahagian Cukai]  
Encik Hazim bin Jamaluddin [Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan]  
Encik Zainordin bin Shahlal [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung dan GST)]  
Puan Siti Norazlina binti Seni [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung)]  
Puan Zamzarina binti Abu Bakar [Ketua Seksyen Kewangan, Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan]  
Encik Kamarul Ariffin bin Zakaria [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung)]  
Puan Farrah Ain binti Mahmud [Penolong Setiausaha Seksyen Kewangan, Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan]

*samb/-*

**SAKSI-SAKSI (samb/-)****Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

Dato' Seri Paddy bin Abd. Halim [Ketua Pengarah Kastam]

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/CDN)]

Dato' Haji Iskandar bin Haji Jaafar [Pengarah Kastam (Bahagian Perkhidmatan Teknik)]

Encik Mazuki bin Md. Taib [Timbalan Pengarah Kastam (Cawangan Perakaunan Hasil)]

Encik Ma Hadi bin Ma Hasan [Penolong Kanan Pengarah Kastam II (Cawangan Perakaunan Hasil)]

Puan Wan Nur Haneem binti Wan Hasan [Penolong Pengarah Kastam (Cawangan Perakaunan Hasil)]

Tuan Muhammad Aizat bin Mohd Khalid [Penguasa Kastam (Cawangan Perakaunan Hasil)]

Puan Basmahsalawati binti Nasir [Penolong Penguasa Kastam (Cawangan Perakaunan Hasil)]

Puan Hairunnisa binti Othman [Penolong Penguasa Kastam (Cawangan Perakaunan Hasil)]

Puan Farhana binti Jailani [Pembantu Tadbir (Cawangan Perakaunan Hasil)]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 4 September 2019****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.27 petang***[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, salam sejahtera. Yang Berhormat Naib Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC Parlimen. Yang Berbahagia Datuk Rosmee selaku Setiausaha PAC merangkap Setiausaha Dewan dan semua ex-officio PAC Parlimen. Terima kasih kerana masih lagi berada di sini dalam mesyuarat prosiding hari ini. Kita berada di sini daripada semalam pagi. Jadinya, ini prosiding keempat dalam masa dua hari.

Jadi, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, sebelum saya mulakan mesyuarat, saya hendak maklumkan kepada semua Ahli Mesyuarat sekalian bahawa saya telah menerima satu surat rasmi daripada Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri Muhamad Zahir yang menyatakan bahawa— Datuk Ahmad Badri ini adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang memaklumkan mengenai ketidakhadiran beliau pada prosiding hari ini yang membabitkan pengurusan subsidi gas petroleum cecair. Ketidakhadiran beliau pada hari ini disebabkan keperluan tugas lain. Saya dimaklumkan beliau ada mesyuarat bersama Yang Berhormat Menteri. Jadinya, tempatnya akan diwakilkan oleh Yang Berbahagia Datuk Siti Zauyah binti Md Desa selaku Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) MOF.

Jadinya, petang ini kita akan teruskan satu prosiding dan prosiding ini adalah berhubung dengan pengurusan subsidi gas petroleum cecair ataupun LPG yang di bawah seliaan Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang berdasarkan tajuk yang dipilih daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 1. Saya akan memberikan penerangan sangat ringkas sebelum saya menyerahkan mikrofon ini kepada Tuan Haji Khalid Khan untuk sedikit latar belakang mengenai perkara ini.

Pada tahun 2017, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM3.338 bilion terhadap subsidi produk petroleum yang terdiri daripada subsidi petroleum, subsidi diesel dan subsidi LPG. Pada tahun 2015 sehingga 2017, pemberian subsidi terhadap LPG ini merupakan subsidi yang tertinggi di dalam pemberian subsidi produk petroleum.

**■1430**

Pemberian subsidi LPG merupakan salah satu inisiatif kerajaan. Tujuannya adalah untuk mengawal harga LPG bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Pengurusan pemberian subsidi LPG melibatkan tiga kementerian dan juga jabatan iaitu: yang pertamanya, Perbendaharaan; yang kedua adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dan yang ketiganya adalah Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Secara umum terdapat tiga kategori pengguna LPG iaitu:

- (i) pengguna industri;
- (ii) pengguna komersial; dan
- (iii) pengguna domestik.

Walau bagaimanapun, pengguna komersial yang merupakan pengguna utama LPG dan pengguna industri menggunakan LPG yang tidak disubsidikan. Ini kerana tujuan pembekalan LPG bersubsidi oleh kerajaan adalah bagi mengurangkan beban rakyat dengan disasarkan kepada golongan isi rumah iaitu pengguna domestik.

Selepas ini kita akan panggil saksi untuk masuk. Akan tetapi sebelum itu, saya rasa eloklah kita mendengar penerangan ringkas mengenai isu dan fokus yang akan Jabatan Audit Negara berikan kepada kita berhubung dengan isu pengurusan subsidi LPG ini seperti yang telah dibangkitkan dalam LKAN 2018 Siri 1.

Cuma, Tuan Haji, mungkin boleh dimaklumkan juga mengenai status terkini dalam paparan Ketua Audit Negara ataupun *AG Dashboard*. Jadinya, saya mempersilakan Tuan Haji Khalid Khan selaku Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) untuk memberikan penerangan ringkas. Terima kasih.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang Yang Berhormat Pengerusi PAC dan juga Timbalan Pengerusi PAC dan seterusnya Ahli-ahli PAC sekalian. Terima kasih kerana memberi peluang kepada kita untuk memberi sedikit maklumat mengenai kajian yang telah kita jalankan untuk siri yang lepas iaitu LKAN 2018 Siri 1 atas tajuk Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair LPG di bawah Perbendaharaan Malaysia.

Saya akan memberi sedikit maklumat latar mengenai kajian ini dan seterusnya saya akan minta pasukan yang telah melaksanakan pengauditan *to go into detail* kalau Ahli-ahli PAC hendak tahu mengenai kajian ini.

Secara latarnya, subsidi LPG adalah bertujuan mengurangkan beban kos, seperti disebutkan oleh Tuan Pengerusi PAC tadi, dan melibatkan tiga kementerian dan jabatan iaitu Perbendaharaan Malaysia, KPDNHEP dan JKDM. Harga produk petroleum dikawal

menggunakan kaedah *Automatic Price Mechanism* bermula 2 April 1983 dan harga runcit LPG terkini adalah RM1.90 per kg.

Tiga kementerian atau jabatan yang terlibat iaitu— ataupun dasar pemberian subsidi dan juga pembayaran subsidi kepada lima pembekal iaitu— itu lebih di peringkat kementerian MOF. Di peringkat KPDNHEP ialah mengkaji mekanisme penentuan harga dan subsidi (kaedah APM), mengeluarkan kebenaran PDA *under Petroleum Development Act* dan juga lesen CSA (*Control Supply Act*) dan penguatkuasaan terhadap pembekalan barang subsidi. Di bawah JKDM pula meluluskan tuntutan subsidi daripada pembekal dan juga pemberian subsidi kepada satu pembekal, *direct from* JKDM.

Dalam pengauditan kita, seperti biasa, metodologi kita adalah dalam semakan dokumen, analisis dan tuntutan subsidi, lawatan fizikal, perbincangan, temu bual dan juga soal selidik. Saya ingin menyatakan di sini, dalam analisis tidaklah semudah yang kita boleh— apa yang kita alami adalah data-data kita kadang-kadang terpaksa *develop* sendiri disebabkan rekod peringkat MOF yang agak tidak, *you know, incomplete* ataupun tidak diurus dengan begitu lengkap.

Dari segi pengauditan, objektifnya adalah untuk menilai sama ada pengurusan program subsidi LPG telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dan untuk memastikan juga subsidi dinikmati oleh golongan sasaran.

Bidang utama program. Dalam pengauditan ini, kita melibatkan dua *key audit area*, kita panggilkan. Satu adalah prestasi program di mana *output* dan juga *outcome* kepada program dinilai, dan yang kedua adalah prestasi pengurusan iaitu melibatkan semua urusan ataupun aspek pengurusan dalam program-program tersebut.

Begitulah pelaporan kita mengenai LPG ini. Seterusnya, skop adalah untuk tahun 2015 dan tahun 2017. Secara sepintas lalu— detil akan dibincangkan— kita perhatikan perkara utama adalah, satu, subsidi ini berlakunya ketirisan subsidi seperti dilaporkan anggaran Audit RM1.717 *billion*.

Kedua, lebihan bayaran subsidi melibatkan RM45.50 juta. Nanti kita akan bincangkan kenapa dan bagaimana ini berlaku. Ia disebabkan pembayaran yang dilakukan sebelum pengesahan oleh pihak Kastam ada masalah-masalah berkaitan dengan rekod dan sistemnya.

Ketiga adalah kelewatan proses tuntutan. Dalam pemprosesan ini melibatkan ada norma yang ditetapkan tetapi apa yang berlaku adalah *it goes beyond the norm that has been set* lah.

Keempat adalah isu yang telah berlaku selama ini iaitu perjanjian pelantikan pembekal tanpa perjanjian. So, dengan itu... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Macam mana tidak ada perjanjian ya?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Ya, *from the start*, Tuan Pengerusi ya. So, dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk Encik Azmi untuk meneruskan. Terima kasih.

**Encik Azmi bin Hassan [Timbalan Pengarah Audit (Cawangan Audit Kementerian Kewangan), Sektor Audit Prestasi, Jabatan Audit Negara]:** Okey, terima kasih, Tuan Haji. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi:** Sekejap, Tuan Haji. Dia tidak ada perjanjian tetapi dia ada tuntutan?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Oh ya? Itu yang bagus. Banyak ya. Ini baru pertama kalikah yang Audit tegur ini? Sebelum ini tidak pernah audit ya?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** *First time...*

**Tuan Pengerusi:** Oh, okey, okey.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Satu lagi nanti, Tuan Pengerusi, *even* dari segi *definition* golongan sasaran pun menjadi persoalan.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan.

**Encik Azmi bin Hassan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat PAC.

Okey, untuk penemuan Audit yang kita akan bentangkan pada hari ini adalah penemuan yang utama. Kita ada lima penemuan utama yang kita akan bentangkan pada hari ini dan satunya ialah berkenaan dengan ketirisan subsidi.

Untuk ketirisan subsidi ini, kita ada kriteria yang kita tengok iaitu Surat Arahan Unit Kawalseliaan Bekalan Bilangan 5 Tahun 2003 KPDNHEP yang mengatakan bekalan LPG kepada sektor isi rumah merupakan LPG yang disubsidikan oleh kerajaan. Kita juga merujuk kepada kertas pembentangan sesi induksi industri LPG bersama KPDNHEP dan PEMANDU pada 24 Ogos 2017 yang mana dalam pembentangan tersebut anggaran penggunaan silinder LPG untuk kawasan bandar ialah tujuh silinder untuk setahun dan untuk kawasan luar bandar 12 silinder setahun.

#### ■1440

Penemuan kita, dari segi anggaran ketirisan— kita sudah kira dan analisis— sebanyak RM1.717 bilion ketirisan telah berlaku bermula daripada tahun 2015 sehingga tahun 2017 iaitu selama tiga tahun. Ini kerana LPG ini dia dijual kepada selain daripada golongan sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan, seperti contohnya kedai dobi yang merupakan pengguna tertinggilah iaitu lebih kurang dalam 733...

**Tuan Pengerusi:** Dobi ini bukan komersial kah?

**Encik Azmi bin Hassan:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi dia dapat...

**Encik Azmi bin Hassan:** Ya, dia beli.

**Tuan Pengerusi:** Macam mana dia boleh dapat ya LPG ini? Dia beli dari mana?

**Encik Azmi bin Hassan:** Kelemahan penguatkuasaan.

**Tuan Pengerusi:** Pembekallah itu.

**Encik Azmi bin Hassan:** Pembekal. Pembekal akan— dia beli daripada pembekal. Itulah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Pembekal ada berapa ramai? Pembekal yang tidak ada *sign agreement*.

**Encik Azmi bin Hassan:** Dia ada enam pembekal. Lima yang dibayar subsidi oleh MOF dan satu dibayar terus oleh Kastam.

**Tuan Pengerusi:** Apa perbezaan yang dibayar oleh MOF dengan yang dibayar oleh Kastam?

**Encik Azmi bin Hassan:** Dia tidak ada perbezaan sebenarnya. Mungkin dia tidak ada...

**Encik Mohd Marzuni bin Muhamad [Pengarah Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi III), Jabatan Audit Negara]:** Dia sejarah awal.

**Encik Azmi bin Hassan:** Sejarah awal.

**Encik Mohd Marzuni bin Muhamad:** Akan tetapi mulai tahun 2018, semua telah di-*takeover* oleh MOF. Sekarang ini MOF sudah ambil alihlah.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar [Juruaudit (Cawangan Audit Kementerian Kewangan), Sektor Audit Prestasi, Jabatan Audit Negara]:** Yang Berhormat, kalau saya boleh tambah. Masa kita buat pengauditan itu sendiri, memang kita tanya pihak JKDM dan juga pihak Perbendaharaan. Memang tidak ada sebarang *black and white* menyatakan kenapa JKDM bayar untuk KUB Gaz *and the rest* Perbendaharaan yang bayar.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang dibayar oleh Kastam?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** KUB Gaz.

**Tuan Pengerusi:** Apa nama syarikat? KUB?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** KUB Gaz.

**Tuan Pengerusi:** KUB itu?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** KUB Gaz Sdn Bhd merupakan pembekal untuk LPG sahaja. Akan tetapi untuk lima *company* lain macam PETRONAS, Boustead, Petron, dia ada membekalkan LPG, petrol dan juga diesel lah. Itu tidak semua petroleum.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Minta maaf, Tuan Pengerusi ya. *Can I verify?* Maksudnya JKDM bayar terus hanya kepada KUB Gaz?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dan ini memang bukan daripada pekeliling kah...

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Tidak ada. Kita pun ada tanya dengan pihak JKDM dan dia pun sendiri tidak dapat mengesahkan kenapa dia perlu membayar untuk KUB Gaz.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dia ikut arahan sahajalah?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Dia macam daripada dahulu. Kita tanya pun tidak ada pegawai— sejarah itu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey, turun temurun tetapi penguatkuasaan arahan itu, arahan itu daripada siapa? *Is it...*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Dia sendiri pun tidak tahu arahan itu daripada siapa. Memang...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dia tidak tahu daripada siapa?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Memang turun temurun memang dia perlu membayar kepada KUB Gaz.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ini bukan Adabi, tahu? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Adakah logiknya mungkin sebab KUB Gaz ini dia hanya buat LPG sahaja, yang lain itu ada yang lain-lain sekali? Itu perbezaannya kah ataupun tidak ada perbezaan langsung?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Tidak ada perbezaan juga. Sebab untuk Perbendaharaan, selain daripada Petronas, Boustead dan juga Petron, tiga *company* ini memang dia ada petrol, diesel dan juga LPG, tetapi untuk Perbendaharaan yang lagi dua iaitu untuk NGC Energy dan juga satu lagi My Gaz, dia pun hanya pembekal LPG sahaja. Dia tidak ada petrol dan juga diesel. So, tidak ada perbezaan *actually*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey. Saya hendak tanya soalan susulan ya. Oleh sebab KUB Gaz ini dia *directly deal* dengan JKDM, tetapi saya nampak setakat 30 September 2018, dia masih lagi terpilih mendapat kelulusan kerajaan sebagai pembekal LPG. Maksudnya, semasa dia diberikan akses terus *deal* dengan JKDM, tidak ada *hanky panky* lah? Adakah itu disahkan bahawa segala-galanya *above board*? *Because* mula-mula arahan pertama, turun temurun JKDM bagi kepada KUB Gaz. Maksudnya macam tidak ada masalah lah kerana

menjelang September 2018, masih lagi diteruskan kepada enam syarikat yang mendapat kelulusan termasuk KUB Gaz. Jadi saya rasa macam *as if Audit feels that there was no problem*. Dahulu tidak ada arahan, walaupun berlainan, maka ia diteruskan lagi dalam proses semasa September.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Okey, kalau ikutkan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *So, there is no issue* lah maksudnya?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Memang dari segi pihak Audit, kita pun sendiri kalau boleh hendak minta pihak Dewan untuk tanya kenapa sebenarnya JKDM perlu membayar kepada satu *company* itu, sebab kita sendiri pun tidak ada jawapan tersebut.

**Encik Mohd Marzuni bin Muhamad:** Sesi nantilah semasa JKDM masuk nanti.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Soalan itu *can ask the JKDM*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey. *It is okay but I just want to know what the Audit thinks* ya. Ini kerana hendak tidak hendak, nanti *when we are looking at* ringkasan eksekutif, menjelang tahun 2018, mereka masih tersenarai. Jadi kalau tidak ada macam nota daripada pihak Audit, macam ada *star* besar merah ini kan, "*Oh! Ketirisan*", jadi kita tahu lah kan benda itu penting. Jadi saya hendak tahu antara keenam-enam ini, adakah pihak Audit merasakan tidak ada isu, maksudnya diteruskan, ataupun ada beberapa perkara yang harus diperhalusi dalam kami meneliti syarikat-syarikat pembekal ini? *So, I think it is quite important that you making a quite distinctive*. Contoh, siapa yang bekal LPG sahaja, *you mention*. Contoh, siapa yang mendapat penganugerahan daripada JKDM sahaja. *Give some details because there is only six companies*.

**Tuan Pengerusi:** Dalam *finding* audit, ada atau tidak kita boleh dapat maklumat daripada keenam-enam syarikat ini, mana yang paling banyak ketirisan berlaku? *Can you?* Oleh sebab enam sahaja syarikat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya hendak tambah ya, Tuan Pengerusi. Contohnya, dahulu semasa KPDNHEP zaman Datuk Shahrir Samad, dia ada letakkan nano tag *for diesel* lah, *so you sort of can track abuses*. Saya tidak tahu sama ada *for this* pemberian ini, adakah mekanisme sedemikian? *If Audit knows— or if Audit doesn't know? It is also good for us to be informed*.

**Encik Mohd Marzuni bin Muhamad:** Ya, mungkin. Saya ingat mungkin isu ini dia ada kaitan dengan isu nombor empat. Benda-benda ini berlaku kerana tidak ada perjanjian. Ini mungkin kita akan tanya nanti kepada pihak MOF dan pihak JKDM, kenapa benda ini berlaku untuk sekian lama. Ini kita diskus dalam sesi dengan JKDM.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tidak ada perjanjian?

**Encik Mohd Marzuni bin Muhamad:** Tidak ada perjanjian itu, itu yang menjadi punca. Ini yang menjadi masalah besar kepada saya ini.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya tidak faham bab itu. Macam mana tidak ada perjanjian tetapi boleh berterusan? *That is amazing. So technically, ikut suka hati sayalah hendak ambil banyak manakan? Technically. Because there is nothing black and white, so nothing legally binding. If I were to take more than whatever was promised to me, I am free as a bird to do so, right?*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, *on this* kajian yang kita rasakan *information* ada *gap* lah. *Firstly, even during audit, we asking on cabinet paper decision on this subsidy, "Not in the file", you know. Appointment of these five pembekal until our exit pun semasa JK Tindakan pun tidak ada. So, those questions we cannot answer. We have pursuit but we cannot get or obtain that information. I think that can be inquired to the JKDM dan sebagainya.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Itu zaman Dato' Shukor lah?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** *I think earlier. Earlier. No, no. Earlier, earlier.*

**Tuan Pengerusi:** Saya kan apabila dimaklumkan yang fasal ini, saya teringat pada GST.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Tahun 1983.

**Tuan Pengerusi:** Kan! Tahun 1983. Siapa yang belum lahir lagi?

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Saya pun baru lahir.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Baru lahir. Okeylah, teruskanlah.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Sekejap. Tuan Haji, *this is an audit* untuk *period* dua tahun, betul atau tidak?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Tiga tahun.

**Tuan Wong Chen:** Tiga tahun, *three years period*. Jadi, *the total loses is RM1.7 billion, is it? So, roughly about RM600 million a year. Is that the average? Betul? Something like that-* lah, *RM500 million to RM600 million? It is a lot.*

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Tuan Pengerusi, sini. Susulan daripada soalan tadi ya. Adakah *this is the first time we are having this audit on— since 1983* tidak pernah ada audit?

**Tuan Pengerusi:** Ini baru *first time*. Tadi I tanya.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** *First time.*

**Tuan Wong Hon Wai:** *So, first time in 36 years?*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Ya. *First time. But at least during the time I am there* lah. *We all digging out on— no. Previously, we have devoted much time on, you know,*

*expenditure and things like that. Now we are looking at area where ada ketirisan dari segi hasil dan sebagainya.*

■1450

*Now, dalam report, you tengok macam contoh GST, berkaitan dengan hasil. You know, we trying to look at those area yang melibatkan collection of revenue dan sebagainya. In this case, subsidy is the first time as well. Okey.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Saya hendak tanya sedikit. Saya tahu bukan zaman Tuan Haji Khalid tetapi saya ingat semasa Malaysia— kita ada the Petroleum Development Act, right? That was in 1974. So, it doesn't make any sense kerana sudah ada dokumentasi yang berkait dengan penggalan LPG in this country tetapi penerusan dia— can we all sort of know between that time by 1983 semasa semua subsidi ini diteruskan? Kerana, for me, patutnya ada kesinambungan yang baik since we prepared the Petroleum Development Act. You know, we should have been on top of it. So, it's good to know the chronology from the Audit Department. Whatever you know lah.*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Okey. Untuk Petroleum Development Act, untuk PDA, dia sebenarnya memberi kebenaran PDA sahaja untuk mengilang dan juga membekalkan produk-produk petroleum termasuk petrol, diesel and also LPG. So, kita pun sebenarnya tidak tahu bermula daripada tahun bila yang dia bermula subsidi sebab kita di Jabatan Audit Negara telah pun membuat semakan dengan Bahagian Kabinet untuk melihat sama ada mungkin ada minit mesyuarat Kabinet yang menyatakan bila bermula dan juga penetapan golongan sasaran, tetapi bila kita counter back dengan Bahagian Kabinet juga, dia tidak ada sebarang minit mesyuarat menyatakan golongan sasaran untuk LPG ini kepada golongan domestik. Dia memang tidak ada stated mana-mana.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *So, technically... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Yes. So, untuk start daripada subsidi, sebelum ia dipanggil sebagai subsidi, dia diberi nama sebagai pemberian. Pemberian sahaja. So, sebenarnya kita pun tidak tahu exactly time bila sebenarnya subsidi ini bermula.*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *So, secara ringkasnya, tidak ada undang-undang atau peruntukan undang-undang yang governing the whole situation?*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Ya. So far kita jumpa dengan Bahagian Kabinet, bila kita tengok Hansard Parlimen, so kita jumpa I think dalam 1980s juga untuk kita tengok, dia just terus sebut sebagai subsidi tetapi dia tidak ada menetapkan golongan sasaran atau pun dia tidak letak mana-mana bermulanya exactly tahun itu.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *So, strictly speaking*, ini tidak salah dari segi undang-undang lah.

**Tuan Pengerusi:** Undang-undang tidak salah lah kan?

**Tuan Wong Kah Woh:** Kan?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Cuma...

**Tuan Wong Kah Woh:** *Strictly speaking* lah.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Lagi satu saya hendak tanya. Bila dalam penemuan dia tengok dekat sini dinyatakan bahawa kedai dobi yang merupakan pengguna tertinggi, jadinya sebelum itu sudah semestinya mereka ini ataupun Kementerian Kewangan dan juga Kastam dia tahu, dia tidak ada ambil apa-apa tindakan ya sebelum itu? Mungkin... *[Disampuk]* Ya lah. Adakah sebab dia biarkan sahaja lah? Walaupun dia orang tahu tetapi biarkan sahaja sebab tidak salah pada mereka. Audit ada tanya tidak?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Pada mulanya, kita pun masa taklimat awal sebelum kita melakukan pengauditan ini, memang pihak Perbendaharaan pun nyatakan pada kita, golongan sasaran dia adalah golongan domestik. Cuma, dia pun dah cakap dia akan bagi *documentation* itu. *So, until now*, memang dia tidak dapat bagi sebarang *black and white document* menyatakan siapa golongan sasaran. Sebab masa kita buat pengauditan, kita punya jilid fail satu hingga tiga dah dilupuskan. *So*, kita pun tidak tahu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *So, you don't have any... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *No*.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, soalan itu, *we did post to the KPDNHEP* ya semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara *recently* lah. *I think some two or three weeks ago*. Jadi, jawapan mereka adalah, satu, disebabkan golongan sasaran tu *not well defined* sama ada dari mana-mana ataupun dalam akta KPDNHEP, maka mereka tidak dapat mengambil tindakan. Apa yang mereka buat? Jadi kita pula bertanya, penguatkuasaan macam mana? Jadi, dia kata walaupun dilakukan penguatkuasaan, mereka tidak mengambil tindakan lah. Cuma, nasihat. *You know, those kinds of approach that they are using* lah. Itu semasa Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dua atau tiga minggu lepas.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Enam syarikat ini, enam syarikat yang kita tengok ini, kelulusan dia memang MOF. Penguatkuasaan?

**Beberapa Ahli:** KPDNHEP.

**Tuan Pengerusi:** KPDNHEP. Okey.

**Tuan Wong Kah Woh:** Tuan Haji Khalid ataupun Puan Halimatun, apabila kita menyatakan bahawa kita tidak ada definisi ataupun undang-undang berkenaan dengan definisi golongan sasaran tetapi apabila saya nampak sememangnya dalam *Audit Report itself* ada menyatakan terdapat tiga kategori pengguna LPG iaitu pengguna komersial dan pengguna industri yang menggunakan LPG tidak disubsidikan dan LPG bersubsidi adalah diberikan untuk golongan domestik, so siapa yang memberikan definisi sebegini sekiranya kita tidak ada undang-undang ataupun peruntukan untuk mendefinisikan? So, *who actually define the whole thing as a golongan domestik?*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Okey. Masa kita buat taklimat pun dengan pihak Perbendaharaan, KPDNHEP dan kita juga bertemu dengan pihak syarikat pembekal, dia sendiri menyatakan memang silinder-silinder ini— dia sendiri sebenarnya tahu benda ini untuk kegunaan isi rumah. Cuma dia kata, dia pun dimaklumkan secara *general* begitu. Cuma, dia pun tidak ada lah *black and white* menyatakan benda itu digunakan untuk kegunaan isi rumah. Akan tetapi, dia membezakan. Contohnya untuk silinder 14 kg, walaupun dia kata untuk kegunaan isi rumah tapi dia asingkan. Macam contoh BHP, dia akan sediakan dia punya tong *maybe* warna *orange*. So, dia punya ada *black top* untuk komersial *even though* dia 14 kg. So, sebenarnya syarikat pembekal sendiri dah ambil inisiatif untuk membezakan kegunaan 14 kg di antara domestik *and also* untuk *commercial use*. Dia sendiri sebenarnya maklum benda itu. Sebab pihak KPDNHEP sendiri pun menyatakan kalau ikutkan...

**Tuan Wong Kah Woh:** So, semua ada maklumat dan pengetahuan berkenaan dengan isu ini tetapi *cannot find the actual source?*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, walaupun dia orang tahu, kenapa masih juga— macam mana dia— ada tidak mekanisme yang dia orang buat untuk *control* supaya sampai ke sasaran? Sebab dia lalu— *how ha?*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Tidak ada dalam kitab.

**Tuan Pengerusi:** Sebab akhirnya dapat— macam kita kalau pengguna, kita tidak tahu *which one is which*.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Cuma itu lah, masa kita berbincang dengan pihak KPDNHEP, kita pun sedia maklum yang di bawah Akta Kawalan Bekalan, dia tidak menyatakan memang betul *exactly* siapa pengguna golongan sasaran sebab dalam Akta Kawalan Bekalan, dia menyatakan LPG merupakan salah satu barang kawalan yang mesti ada dalam pasaran. Maksudnya, dia tidak boleh kurang dalam pasaran. So... [Disampuk] Ya, dia tidak letakkan golongan sasaran yang betul *exactly*.

Akan tetapi kalau ikutkan dalam Akta Kawalan Bekalan, dia memberi kuasa kepada Menteri di KPDNHEP untuk sebenarnya dia boleh menggubal mana-mana— contohnya dia boleh menggubal mana-mana maksud dasar. So, kita minta mungkin kita bawa benda ini dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk kita cadangkan supaya penetapan golongan sasaran itu betul-betul dibuat di antara Perbendaharaan dan juga KPDNHEP. *That is why* kita raised this issue. Bukan kita hendak tengok sama ada dia itu dah pernah ada atau tidak. So, kita hendak buat penambahbaikan sebenarnya.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, perkara ini sebenarnya sudah diputuskan dalam Jawatankuasa Tindakan LKAN dan *actually the decision was for KPDNHEP pursue on legal* punya definition golongan sasaran lah supaya penguatkuasaan boleh dilakukan. *I think we have written to— as a follow up after the JTLKAN*, kita telah menulis kepada pihak MOF dan juga KPDNHEP memaklumkan perkara ini lah.

**Tuan Wong Chen:** Tuan Haji, saya hendak tanya ini. *This enam syarikat ya, do you have a breakdown of their each of their problems, individually? I mean, you know, for instance*, kita tengok ini Petronas Dagangan, *how many percent of the market share of supply, how many of them send to doobby? [Ketawa]* You know, makan. *Do you all track this kind of thing?*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** *No. As I mention from the beginning tadi, Yang Berhormat, masalah kita adalah dari segi information. You know. At peringkat MOF, I think my auditors spent a lot of time trying to, you know, build up the database from file all over. So, if this, you know, in database yang senang hendak kita lihat— analisis by syarikat can be done but if now you said that has to be done, we have to go through all the files, you know, for that period. Even for this audit, I can appreciate their problem dalam melaksanakan pengauditan. I have gone through with them how they build up their database, ask MOF to confirm, you know, from the files they extracted, then we did the analysis. So, dengan itu lagi, lagilah we have to...*

**Tuan Wong Chen:** Okey. *So, your RM1.7 billion of losses is based on assumption lah. Assumption lah. Betul tidak?*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** *We say anggaran...*

**Tuan Wong Chen:** Ya, anggaran lah. *So, you cannot tell me which are the biggest culprit in this? Tak tahu?*

#### ■1500

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Okey, *actually* sebenarnya kalau kita nak sebut dia syarikat pembekal— Petronas, NGC— saya tidak boleh nak cakap dia terus *point* kepada syarikat pembekal *because* syarikat pembekal dia sendiri dia ada data sehingga data pengedar utama dia sahaja. Sebab, dia banyak *layer*— pengedar utama, *sub* pengedar, contohnya.

Okey, semasa kita lawatan fizikal audit, kita pergi kepada— memang kita *go through*, pergi ke depoh dia macam kita pergi, contoh Petronas. *Then*, kita *select the* pengedar utama, kita akan tengoklah dari segi kriteria mungkin dia paling banyak mengeluarkan, menjual subsidi LPG ini. *So*, kita tengok, kita akan *go through* pengedar utama. Daripada pengedar utama, kita turun kepada *sub* pengedar.

*So*, daripada situ *actually*, macam Petronas, dia cuma ada rekod sehingga pengedar utama sahaja. Dia tidak ada rekod kepada *sub* pengedar. Bila *sub* pengedar, dia ada jualan atas lori. *So*, dia juga tidak ada sebarang rekod. Kita tengok satu-satu pun, penyelenggaraan rekod dia pun *very worst*. Dia sendiri jual atas lori, terus bagi. Keluarkan resit pun mungkin tidak lah.

**Puan Wong Shu Qi:** Jadi, boleh saya tahu...

**Tuan Pengerusi:** Proses *flow* itu ada kah tidak? Okey, siapa jual kepada siapa, selepas itu jual kepada ini, jual atas lori. Macam mana ya dia punya *flow* dia? *Because I...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Macam *middleman* lah. Dia *just...*

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, macam *middleman*— berapa *layer* itu *middleman* itu? *The process* itu. Yang itu kita boleh tahu kah? Ada? Ada ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Cuma, pemberian subsidi itu, Tuan Haji, dia diberikan di peringkat pembekal atas ataupun— siapa yang mohon bagi pihak untuk dapatkan subsidi itu?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Yang enam...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Daripada enam itulah. Maksudnya pemberian subsidi daripada atas itu dia sudah bagi, kemudian bila sudah serahkan ke bawah itu kita sudah hilang maklumatlah. Maksudnya kita tidak tahu siapa yang betul-betul dapat *all these subsidies*?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** *We don't have supporting record from them.*

**Puan Wong Shu Qi:** Jadi, boleh saya tahu, berapa banyak syarikat pengedar utama dan juga *sub* pengedar? Kita ada *database* sebegitu tak?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Actually*, kita tidak ada sampai macam dia terlalu *detailed*. Sebab, syarikat pembekal sendiri dia tidak tahu. Dia setakat tahu berapa pengedar utama dia sahaja. Bila *comes to sub* pengedar, peruncit, dia memang sudah tidak tahu.

**Puan Wong Shu Qi:** Dalam laporan kamu, anggaran ketirisan itu dan juga *identified* masalah itu dobi, sebenarnya ia lebih banyak mereka beli daripada peruncit atau *sub* pengedarlah?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya, daripada *sub* peruncit ataupun *sub* pengedar. Pengedar utama pun *actually* ada untuk kedai-kedai dobi. Sebab kedai dobi dia ada dua. Satu

untuk *self-laundry*, lagi satu untuk dobi yang mengadakan dobi hotel. Maksudnya, dia hanya buat cucian hotel sahaja. *That's why* kalau ikut tuntutan, tuntutan paling tinggi adalah pada bulan Disember. Sebab kita boleh tengok pada bulan Disember kan musim cuti, so, ramai hotel yang menggunakan perkhidmatan dobi.

**Tuan Pengerusi:** Baru hari ini saya tahu dobi ini dia pakai LPG.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya, sebab bila kita pergi, kita tengok invois dia, *even* kita sendiri pergi ke kedai dobi hotel, invois di sini menyatakan *everyday every 60* silinder dia beli. Enam puluh silinder LPG bersubsidi. Kita memang ambil *snap* dia punya invois untuk kita *key in* sendiri sebenarnya berapa banyak dia punya penggunaan invois. Ini sampel sahajalah.

**Tuan Wong Chen:** Okey, saya hendak tanya tentang enam pembekal utama ini. Dalam *list* ini kita boleh lihat nama itu *famous* lah. Petronas, kita faham. Saya hendak tahu siapa NGC Energy dan My Gaz Sdn Bhd? Ini sendirian berhad ini. Boustead saya tahu, Petron itu kita tahulah, KUB tahu, Petronas tahu.

**Tuan Pengerusi:** My Gaz siapa?

**Tuan Wong Chen:** NGC dan My Gaz.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Untuk NGC, kalau kita hendak tahu, kalau kita tengok, perasan tak ia tidak ada Shell? Shell hanya ada petrol dan juga diesel. So, dia ada satu tahun, *which is* saya pun tidak pasti sebenarnya bila, Shell *shut down* dia punya untuk LPG punya produk. Dia sudah tidak jual— dia keluarkan LPG produk tetapi dia sudah jual dia punya LPG itu kepada NGC dan juga My Gaz.

*First*, My Gaz dia beroperasi untuk Sabah dan Sarawak, NGC cover Semenanjung. So, sekarang apa yang saya tahu, My Gaz pun sudah *start* untuk cover Semenanjung. So, *actually* dia ambil produk daripada Shell.

**Tuan Wong Chen:** Okey.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Jadi NGC dan My Gaz itu *spinoff* daripada Shell lah.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya. So, *actually* untuk KUB Gaz ini pun dia LPG ini dia macam unik sedikitlah. Dia boleh ambil di mana-mana untuk Petronas— dia boleh *sharing* lah *actually*.

**Tuan Pengerusi:** Mereka semua boleh *share* sesama sendiri?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Actually* boleh. Macam kalau ada contoh tidak cukup kah, dia boleh beli. Dia akan boleh beli dengan Petronas sebab dia punya LPG ini *mostly* dia akan *imported* punya, *comes from vessel* lah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** LPG sama sahaja. LPG dia punya kualiti sama sahaja. Dia tidak macam petrol. Petrol, dia sama *actually*. Cumanya, dia ada tambah *additive* sedikit. Apa yang kita diberi taklimat oleh Oil Coast, dia kata untuk petrol memang dia akan sama sahaja *actually* yang datang, cumanya dia akan tambah *additive*. Oleh sebab itu, kalau ikutkan, Petronas dia ada *competition* sedikitkan dengan macam BHP, dia akan bagi tahu— Shell, dia ada tambah ini semua.

Akan tetapi, untuk LPG, sama sahaja. Sebab, dia *come* dengan *vessel* satu *tank* yang sama. So, dia cuma salurkan guna *through piping*— macam contoh dekat *Port Klang*, *piping* itu dia akan pergi kepada untuk KUB Gaz, untuk Petronas dia asing tetapi *comes from same vessel*. Ya.

**Puan Wong Shu Qi:** Maaf. Tadi saya tanya tentang soalan berapa banyak pengedar utama itu. Ada data itu tak?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Kita tidak ada. Kalau hendak pun, mungkin nanti kita kena minta dengan syarikat pembekal sendiri. Enam syarikat pembekal.

**Tuan Pengerusi:** Kalau kita tanya dengan Kementerian Kewangan nanti boleh kah tak berapa ramai? Mereka inilah.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, satu tadi yang maksudnya memang bila syarikat pembekal ini memohon untuk subsidi tersebut, dia kena bagi justifikasi ataupun dia mohon saja dia akan *confirm* dapat kah macam mana? Sebab, *there is no* kawalan. *You* tidak ada *set* berapa banyak subsidi yang akan diberikan setiap tahun. Jadi, memang subsidi itu diberikan bergantung kepada berapa banyak pembekal mohon. Dia mohon saja, dia dapat.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya. Berapa sahaja pembekal mohon, dia akan luluskan dan dia akan bayar. Dia tidak ada dia punya *cutoff* kah, tidak ada. Tidak ada kawalan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** So, memang langsung tidak ada kawalan, dia boleh...

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya, tidak ada. Memang berapa sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Termasuk setiap yang keluar itu semua boleh?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Berapa sahaja syarikat pembekal tuntutan, memang dia boleh kita...

**Tuan Pengerusi:** Itu yang boleh *apply for subsidy*.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Boleh dipertimbangkan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dia punya *proportion* kita ada tidak? Contohnya, kalau macam Petronas tadi, berapa banyak dia punya komersial, berapa banyak yang subsidi memang kita tidak ada rekodlah?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Memang tidak ada rekod sebab pembekal dia akan hantar tuntutan hanya untuk LPG bersubsidi sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sudah. Kalau tak, boleh macam-macam— banyaklah ilmu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tuan Haji Khalid, *sorry*, saya hendak tanya sedikit sahaja. *In terms of the delivery of subsidies, do you know how it is done in other countries? Is there anything...*

**Tuan Pengerusi:** *Other countries* ada subsidi kah?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** *Sorry*, kita tidak ada *benchmark*, Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Well, other countries cash transfer* lah?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** *Maybe* Puan Halimatun...

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Actually*, kita ada baca *from India*. Akan tetapi, kalau India, ada juga dia *try* untuk bagi subsidi *through online banking*. Maksudnya, untuk setiap— bagi *by accounts*. *So*, maksudnya penghuni yang berdaftar mungkin dari segi taraf dia punya rakyat terlalu miskin, *so*, dia akan berdaftar, dia boleh beli dengan menggunakan duit yang diperuntukkan dalam akaun. Itu yang kita tengok *subsidy reform from India*. Kita *compare* lah, tetapi...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Tuan Pengerusi, satu lagi. *Last* saya hendak tanya. Tadi, ketirisan disebabkan golongan sasaran yang tersasar. Kedua tadi, penemuan audit yang kita tak sempat perincian yang nombor dua iaitu lebih bayaran itu, kalau boleh terangkan sedikit kenapa berlaku dan apa maksud dikutip semula dan pembayaran tanpa kelulusan PKN.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *All right*. Kalau saya boleh *explain* macam ini. *Actually*, kalau ikut dalam Jadual 10 dalam Laporan Ketua Audit Negara, kita memang bezakan untuk— dia ada dua kategori. Satu dibayar oleh Perbendaharaan, lagi satu dibayar oleh JKDM.

Kalau untuk JKDM, *actually* tidak ada masalah sebab tuntutan yang dihantar memerlukan kelulusan Pengarah Kastam Negeri, *which is* setiap depoh akan hantar tuntutan dia kepada Pejabat Kastam Negeri. *So*, Pengarah Kastam Negeri akan luluskan. *So*, sampai diluluskan semua, dia akan hantar ke JKDM HQ, HQ akan bayar. *So, should be no problem* lah. Dia tidak ada *any difference*.

So, untuk Perbendaharaan, *actually* syarikat pembekal untuk setiap depoh, dia akan hantar kepada Pengarah Kastam Negeri. Dalam masa yang sama, dia juga hantar kepada ibu pejabat. Contohnya, depoh Petronas di Sepanggar. So, dia akan hantar *through* kepada Petronas di HQ di KL. So, KL akan *combine* semua dan dia akan hantar terus kepada pihak Perbendaharaan untuk pembayaran. *That's why* bila dia bayar, apa yang diluluskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan apa yang dituntut di HQ tidak sama.

**Tuan Pengerusi:** Kalau macam itu, bermaksud ada kemungkinan dia dua kali mohon. Macam itu ada?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Dia tidak dua kali mohon sebab macam— selain daripada KUB Gaz, memang Perbendaharaan sahaja akan bayar. So, dia hanya tunggu kelulusan, nanti bila ada perbezaan, pihak Kastam dia akan *calculate* balik, so dia akan tengok *based on invoice* daripada Perbendaharaan. Bila ada perbezaan, dia akan nyatakan kepada syarikat pembekal bahawa ada perbezaan. So, mereka akan *clarify* balik apa yang *plus minus*, so nanti dia akan *inform to* Perbendaharaan untuk buat pelarasan semula, *either* kita bayar balik ataupun kita bayar semula.

**Tuan Pengerusi:** Susah ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi, kelulusan kastam itu lebih tinggi daripada Perbendaharaan?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Sometimes* ada yang lagi tinggi. *Sometimes* kelulusan itu rendah sahaja tetapi Perbendaharaan bayar lebih.

■1510

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Akan tetapi, siapa yang ada *final say*? Maksudnya kalau ada perbezaan itu, kita pilih yang tinggi kah yang rendah?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Kita akan ikut kelulusan Kastam. Kelulusan Pengarah Kastam.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** So, kelulusan Kastam *is the highest authority*.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya, ya. *Sorry*. So, kalau ikut...

**Tuan Pengerusi:** *Final say would be the Customs* lah?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya, *final say will be* Kastam. Akan tetapi kalau ikutkan, dalam jadual itu juga kita nyatakan untuk pembayaran di Perbendaharaan, kadang-kadang apa yang dituntut *direct* daripada syarikat pembekal pun kita bayar pun salah. Kalau ikutkan.

**Tuan Pengerusi:** Maksud salah itu macam mana? Contoh?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Maybe* dia ada— sebab dia bila dia banyak, dia punya banyak tuntutan datang— sebab syarikat pembekal dia akan hantar petrol, diesel dan *also* LPG sekali. Cuma, dia akan bayar menggunakan invoice berbeza. Dia akan hantar— kalau hantar invoice sama pun, dia akan *coding* yang berbeza untuk LPG, petrol dan juga diesel. So, kita boleh *clarify* mana satu LPG, yang mana satu petrol, *and also* diesel. Akan tetapi kalau ikutkan, kadang-kadang *maybe* dia tersalah ambil amaun. Ambil syarikat sebelah ataupun dia ambil yang terkumpul. *That is why* ia jadi RM45.5 juta. *[Disampuk]* Ya. *Actually that is...*

**Tuan Wong Kah Woh:** So, bagaimana kita boleh *verify*-kan RM35 juta ini boleh dikutip semula?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Okey. Masa kita pergi pengauditan itu memang— kalau kita ikutkan, kita *go through* juga dia punya minit mesyuarat *Economic Council*. So, dia menyatakan di situ memang dia orang sedar ada kelebihan— sebab RM35 juta itu *actually company* akan hantar dua jenis tuntutan. Satu bulanan, satu lagi *accumulated from January*. So, pihak Perbendaharaan tersilap ambil yang *accumulated* daripada bulan Januari sehingga bulan Mei. So, dia *overpayment for four months*. *That is why* dia *overpayment for 35 years*. Tetapi dia sudah *realized* benda itu.

Kita *actually* kita *highlight* dalam Laporan Ketua Audit Negara bukan untuk— memang kita ada nyatakan dekat situ, “*sudah terima semula*”, tetapi kita hendak nyatakan, hendak bangkitkan yang sekiranya tiada SOP, sekiranya tiada perjanjian macam ini, *those things happened* lah *actually*.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Terima kasih semua. Jadinya kita...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Eh, belum lagi, belum lagi. Sikit lagi hendak tanya. So, dari segi disebut tentang sistem data petrol, Tuan Haji Khalid, *so in terms of the latest status, are you guys giving any recommendations?* Ya, *when the utilization* kah— dan sebagainya. Sebab dia ada data yang rekodkan pengurusan sumber, pengedaran dan penggunaan produk petroleum secara atas talian.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Ya, Yang Berhormat. *During the JT LKAN also, we did discuss this at length* lah, *whereby we emphasized that these sorts of payment* kalau tak ada *integrated system* between MOF, Kastam, dengan juga pembekal itu, *I think it is impossible for us to, you know, monitor through the submission of a physical* punya invoice dan sebagainya. *Because it is quite voluminous* dan juga kategori itu berbeza, bukan? Jadi kalau itu *in place*, memang mudahlah. *Even connected to KPNDHEP*. Dia sepatut menyeluruh macam itulah. Kita sudah tekankan ini ya.

**Encik Azmi bin Hassan:** Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini Kastam sedang membangunkan sistem untuk tuntutan LPG dalam uCustoms. Dia akan masuk dalam sistem uCustoms sekalilah.

**Tuan Pengerusi:** So, dia sudah?

**Encik Azmi bin Hassan:** Dia sudah itulah...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** So, *it is not* data petrol? *It is a new system?*

**Encik Azmi bin Hassan:** *New system?* Eh, data petrol pun ada. Data petrol ada tapi di...

**Tuan Pengerusi:** *Integrated system* lah ini? Yang tadi yang dimaklumkan yang ada *link* sana, *link* sini.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah:** Kita cadangkan itu tetapi *uCustoms*, *I am not too sure*. *Because uCustoms, as you know* pun, banyak masalah sekarang ini dari segi *implementation*. *That is why we are going to do an audit on that* lah. Jadi, *I* tak berani hendak *connect*-kan dengan *uCustoms*.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tanya penting juga, Tuan Pengerusi. Kenapa? *Because, I think* kalau tak *careful*— macam Jabatan Audit Negara juga kena beri rekomendasi yang jelas. *Because you want to talk about the integrated data*. So, *our problem is* bawah KDN pun ada *different system*. Tiba-tiba untuk bab ini pun ada *different system*. Jadi akhirnya— *Touch 'n Go and RFID* pun *different system*. So, *I have to stress for this*, untuk *make sure you can monitor*, Jabatan Audit kena maklumkan *it has to be integrated and one and the same*. *At least in terms of accessibility*. *If not, the same problem will come*.

**Tuan Wong Chen:** Okey. *Last question* ya. *I just want to understand* dari *consumer perspective*. Satu tong gas ini berapa ringgit ya?

**Tuan Pengerusi:** *I* lebih tahu dia punya *answer*.

**Tuan Wong Chen:** RM25? RM30?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Dia *depends* kepada...

**Tuan Wong Chen:** Saiz yang biasalah, yang kuning itu.

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** RM26.60.

**Tuan Wong Chen:** *RM26, right?* Okey.

**Tuan Pengerusi:** RM29. Cerita belakang. RM29. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Chen:** Okey, tak apalah, RM29. *But the subsidy element* berapa ringgit?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Dia macam ini sebenarnya. Tetapan yang betul, harga yang diwartakan untuk LPG subsidi untuk 14 kg adalah RM26.60 sekiranya beli di kedai

runcit. Akan tetapi, pihak KPDNHEP memang tak ada sebarang *control* sekiranya ada caj penghantaran ke rumah. Itu yang boleh jadi RM29, RM35. So, dia akan hantar pun ikut *service charge*, untuk caj penghantaran.

**Tuan Wong Chen:** Jadi *subsidy element* itu berapa?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Subsidy element* adalah RM1.90 per kg.

**Tuan Wong Chen:** Jadi, 14 kg itu...

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** RM26.60 itu adalah harga yang kita jual. Maksudnya dia macam ini. Penetapan mewartakan RM26.60. So, *that is why* ada kaedah APM. Sebab, produk petroleum dia akan *change every month*. So, dia akan buat *calculation* balik. Okey, katakan harga pasaran tahun itu untuk setong 14 kg adalah mungkin RM45. So, *the balance* itu *government* akan bagi subsidi.

**Tuan Wong Kah Woh:** Itu yang Yang Berhormat Subang tanya. Berapakah agaknya subsidi untuk setiap tong 14 kg?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Dia tak boleh— sebab *every month* dia berubah harga pasaran produk petroleum.

**Tuan Wong Chen:** Jadi makna harga itu turun naik lah?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya, ya.

**Tuan Wong Chen:** Yang kita *subsidized* itu, RM1.90 per kilo?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Bukan *subsidized*. *That is the price...*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Bukan, bukan.

**Tuan Wong Chen:** Itu *fixed price*?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Maksudnya harga yang— macam *company*, contohnya, harga pasaran semasa adalah RM45. So, kita memang subsidikan, memang akan bayar RM1.90 per kg. Hanya itu sahaja nilai subsidi. Yang *the balance* itu *the government* akan bayar subsidi. Hanya itu sahaja pengguna perlu bayar.

**Tuan Wong Chen:** Akan tetapi, harga ini *more or less*— harga LPG *did not move a lot*. *It is not like petroleum, right? It is quite flat...*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *No*. Dia memang *effect actually*. Dia *effect* lebih kurang sama dengan petrol. Sebab itu dia pakai— *Automatic Price Mechanism apply to petrol, diesel and also LPG*.

**Tuan Wong Chen:** Jadi, lebih kurang lah, *just estimate, is about half, is it?*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** So, kalau tong itu RM30, maknanya harga betul itu lebih kurang RM60? *Around there?*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya, lebih kurang dalam RM45, RM50 macam itu.

**Tuan Wong Chen:** *RM45, RM50?*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Dia akan ikut pasaran semasa lah. Ada *time* dia rendah, ada *time* dia tinggi.

**Tuan Wong Chen:** *No, no. Because if you want to propose a payment system through the bank, you know, maknanya subsidi teruslah into their bank account, then the people have to have an idea how much they are saving from the government. That is the point. Okey, okey.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Minta maaf, Tuan Pengerusi. *Because* sekarang ini saya sudah kenal pasti tiga sistem. Satu, data petrol. *Second is u-Customs, you mentioned just now that the Customs is developing. The third one is the one announced by the Minister of KPDNHEP.* Dia hendak buat satu lagi sistem supaya boleh pergi secara bersasar kepada penerima minyak kereta.

Jadi saya fikir untuk Jabatan Audit Negara, kena *handle* bab ini, kena ada *specific recommendation* bahawa kalau setiap kementerian ini ada sistem masing-masing, memang tidak akan berlaku integrasi, *for sure. And everyone will say, "My system is the best", "No, no. My software is the latest".* Jadi saya pohonlah. *I know you have done all these works. It is great. So, one saja, fasal the integration of all available data with regards to the targeted subsidies. So, when it is made, senang kami hendak maklum. The communication with the three different ministries must begin now. I do not know who owns the data petrol. Siapa dia? So, this is different from the one they are developing a new one.*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *Actually* ia untuk ketiga-tiga produk— petrol, diesel *and also* LPG— apa yang kita dimaklumkan. Akan tetapi masa pengauditan dijalankan, sistem itu masih belum siap sepenuhnya. *So, masa exit conference, baru dia nyatakan sistem sudah pun siap dan diguna di peringkat testing peringkat KPDNHEP lagi. So, saya pun tak dapat hendak jalankan walk through sistem berkaitan dengan data petrol apa sebenarnya yang ada dalam itu.*

**Seorang Ahli:** *Have you seen the system?*

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** *No.* Masa kita pengauditan memang tak ada lagi masa itu.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Tak siap?

**Puan Halimatun binti Abu Bakar:** Ya. Masa *exit conference*, dia kata dia sudah siap.

**Tuan Pengerusi:** Tak apalah. Nanti kalau hendak bertanya lebih lanjut, lebih *detail*, nanti mereka ada. Okey, terima kasih banyak, Tuan Haji Khalid.

## ■1520

*[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang dan selamat sejahtera Ahli-ahli PAC, semua ex-officio. Hadir di hadapan PAC Parlimen kali ini adalah Yang Berbahagia Datuk Siti Zauyah binti Md Desa selaku Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar); Yang Berbahagia Dato' Seri Paddy bin Abd Halim, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan Yang Berbahagia Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil, Timbalan Ketua Pengarah (Perkastaman).

Jadinya terima kasih kerana hadir dalam prosiding PAC Parlimen Bilangan 32 Tahun 2019 dan kali ini ia adalah berhubung pengurusan subsidi gas petroleum cecair ataupun LPG. Semua saksi yang hadir ini saya percaya sudah biasa dengan prosiding PAC Parlimen. Semuanya berpengalaman menghadiri prosiding Jawatankuasa ini terutama sekali dalam prosiding tuntutan tunggakan cukai GST yang berjumlah RM19.4 bilion.

Jadinya atas kesempatan ini juga, saya bagi pihak PAC ingin mengucapkan terima kasih kepada Kastam kerana membantu PAC Parlimen menyelesaikan prosiding berkenaan yang mengambil masa 11 bulan dan akhirnya laporan berkenaan dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019.

Saya juga hendak memaklumkan kepada Jawatankuasa ini mengenai ketidakhadiran Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dalam prosiding dan PAC Parlimen telah menerima alasan beliau melalui surat yang dikemukakan oleh Yang Berbahagia Datuk kepada saya sendiri selaku Pengerusi PAC.

Jadinya tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Siti Zauyah yang mewakili Datuk Ahmad Badri untuk memulakan penjelasan mengenai isu pengurusan subsidi gas petroleum cecair ataupun LPG. Dipersilakan Datuk.

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Bersama-sama saya pada hari ini ialah Ketua Pengarah Jabatan Kastam, Dato' Seri Paddy bin Abd Halim dan juga pegawai-pegawai daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Saya juga membawa bersama-sama saya pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan dari Bahagian Cukai dan juga Bahagian Pentadbiran.

Dato' Seri Paddy mempunyai satu *presentation*. Jadi tanpa melengahkan masa, saya ingin menjemput Dato' Seri Paddy. Silakan Dato' Seri.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, boleh tidak minta pegawai untuk memperkenalkan diri masing-masing terutama yang berada di hadapan sekali?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim [Ketua Pengarah Kastam]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Yang Berbahagia Datuk Setiausaha Dewan Rakyat, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Saya Paddy bin Abd Halim, Ketua Pengarah Kastam Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum ini Dato' dekat mana?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Saya di...

**Tuan Pengerusi:** Kastam juga kah?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Kastam juga...

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman dan SST). CDN ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Sebelum itu Penguatkuasaan.

**Tuan Pengerusi:** *All right.* Terima kasih.

**Dato' Haji Iskandar bin Haji Jaafar [Pengarah Kastam (Bahagian Perkhidmatan Teknik), Jabatan Kastam Diraja Malaysia]:** Okey, nama saya Dato' Iskandar bin Haji Jaafar. Saya merupakan Pengarah Kastam di Bahagian Perkhidmatan Teknik. Di antara skop tugas sebagai Perkhidmatan Teknik ialah menguruskan inilah, verifikasi tatacara pembayaran subsidi gas.

**Encik Mazuki bin Md. Taib [Timbalan Pengarah Kastam (Cawangan Perakaunan Hasil), Jabatan Kastam Diraja Malaysia]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Saya Mazuki bin Md. Taib, Timbalan Pengarah Kastam (Cawangan Pungutan Hasil), Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Cawangan?

**Encik Mazuki bin Md. Taib:** Cawangan Pungutan Hasil.

**Tuan Pengerusi:** Cawangan Pungutan Hasil. Banyak hasil? *[Ketawa]*

**Encik Zainordin bin Shahlal [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung dan GST), Kementerian Kewangan]:** *Assalamualaikum* dan selamat petang Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC dan juga Timbalan Pengerusi dan Datuk Roosme binti Hamzah. Nama saya Zainordin, Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

**Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/CDN)]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya Ahmad Maher bin Abd Jalil menggantikan Dato' Seri Paddy yang dinaikkan pangkat ke Ketua Pengarah Kastam. Sebelum itu saya sebagai Pengarah Bahagian GST dan memang terlibat dalam isu RM19.4 juta dan sekarang PAC yang kedua berkenaan subsidi. *[Ketawa]*

**Encik Ma Hadi bin Ma Hasan [Penolong Kanan Pengarah Kastam II (Cawangan Perakaunan Hasil), Jabatan Kastam Diraja Malaysia]:** *Assalamualaikum,* salam sejahtera dan selamat petang. Saya Ma Hadi bin Ma Hasan daripada Cawangan Perakaunan Hasil, Unit Tuntutan. Terima kasih.

■1530

**Encik Ma. Sivanesan [Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan]:** Selamat petang dan selamat sejahtera, Tuan Pengerusi dan juga Setiausaha Dewan dan ahli-ahli PAC yang lain. Saya Ma. Sivanesan daripada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

**Encik Kamarul Ariffin bin Zakaria [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung), Kementerian Kewangan]:** *Assalamualaikum* dan selamat petang. Saya Kamarul Ariffin bin Zakaria daripada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

**Encik Hazim bin Jamaluddin [Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan]:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Saya Hazim bin Jamaluddin daripada Kementerian Kewangan.

**Puan Siti Norazlina binti Seni [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung), Kementerian Kewangan]:** Selamat petang, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya Siti Norazlina binti Seni daripada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

**Puan Zamzarina binti Abu Bakar [Ketua Seksyen Kewangan, Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan]:** *Assalamualaikum.* Saya Zamzarina binti Abu Bakar daripada Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan.

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Tuan Pengerusi, saya ingin mempersilakan Dato' Seri Paddy bin Abd Halim. Dia sudah lama hendak buat *presentation* ini. *So, kita ...*

**Tuan Pengerusi:** Kita orang pun sudah lama tunggu.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya, okey. Cuma, Tuan Pengerusi, saya *first time* dalam PAC ini. *So, excuse my nervousness. Bismillahi Rahmani Rahim.*

Berkenaan dengan pengurusan subsidi gas petroleum cecair ataupun subsidi LPG, izinkan saya— dan sebelum itu, saya ucapkan ribuan terima kasih ke atas PAC kerana memberi peluang untuk menerangkan kandungan kedapatan audit berkenaan dengan pengurusan subsidi LPG.

Kita mulakan dengan skop taklimat. Skop dan taklimat saya— *next, please*— ialah mula-mula saya akan terangkan carta alir proses, kemudian kronologi auditan, perkara-perkara yang berbangkit daripada mesyuarat Jawatankuasa Tindakan, kemudian maklum balas daripada kumpulan kami, *and then* penutup untuk penambahbaikannya, *insya-Allah*.

Pertamanya, carta alir proses. Kita ada enam syarikat pembekal yang akan mengisi tong-tong LPG untuk dihantar kepada 31 depoh. Depoh ini, ia akan menghantar kepada *dealer* dan *distributor* untuk diguna sebagai gas LPG. Jadi, pada setiap 15 hari bulan yang berikutnya, syarikat-syarikat pembekal ini akan menghantar permohonan tuntutan subsidi kepada Pengarah Kastam Negeri di negeri masing-masing. Pada masa— bukan pada masa yang sama tetapi lima hari kemudian sebelum 20 hari bulan itu, pembekal juga akan menghantar permohonan subsidi kepada Bahagian Cukai, MOF untuk bayaran.

Seterusnya, Bahagian Cukai akan menyemak permohonan itu dan kemudian membuat bayaran. Apabila sudah membuat bayaran, baucar bayaran dihantar kepada ibu pejabat. Dalam pada itu, pegawai-pegawai IPG iaitu cawangan yang menguruskan ataupun membuat semakan tuntutan subsidi— IPG adalah...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berbahagia Dato', *dealer* dan *distributor* itu ada berapa banyak?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Oh, itu *not* dalam— *should be a lot*. *Many dealers* dan *distributors*. Maaf, Tuan Pengerusi, saya tidak ada *figure* itu.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang ada *figure* ini?

**Seorang Ahli:** KPDNHEP.

**Tuan Pengerusi:** Oh, KPDNHEP.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Yes*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ini pegawai-pegawai di Industri Petroleum dan Gas (IPG) di negeri masing-masing akan menyemak permohonan subsidi itu dengan *invois-invois* dan sebagainya. Mereka akan semak. Kemudian dia akan hantar laporan kepada ibu pejabat. Laporan sama ada jumlah yang telah disemak sama atau tidak dengan *invois-invois* yang dihantar kepada depoh, sama atau tidak tuntutan yang seterusnya, jumlah tuntutan yang telah dikemukakan.

Jadi, apabila sampai ke ibu pejabat, pegawai di pejabat akan bandingkan dengan baucar pembayaran. Di situlah kalau ada perbezaan pembayaran dan menyemak, ia akan membuat penyelarasan. Maksud penyelarasan ialah pegawai ibu pejabat akan menghantar nota ataupun laporan kepada MOF untuk membuat penyelarasan sama ada lebih bayar atau kurang bayar

ataupun tidak ada apa-apa yang— samalah tuntutan itu. Itulah kedudukan secara ringkasnya. Itu *flow*-nya sebenarnya.

Selain daripada itu, KPDNHEP ialah berkenaan dengan lesen, akta kawalan dan kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum untuk menjual LPG. So, ada tiga pihak yang terlibat iaitu Kastam, MOF dan KPDNHEP.

*Next.* Oh, *sorry*, patah balik, patah balik. Untuk semakan dan kelulusan, inilah dokumen-dokumen yang perlu disemak oleh pegawai di negeri iaitu surat tuntutan— boleh klik untuk tunjukkan contoh. Contohnya ini daripada KUB Gaz sekian-sekian tuntutan. [*Merujuk pada slaid pembentangan*] Kemudian dia akan menyatakan kuantiti LPG, berapa banyak kilogramnya dan berdasarkan kepada kilogram, kita akan semak dan, *of course*, dia akan menyatakan kadar yang dia boleh tuntutan.

Kadar LPG yang boleh tuntutan akan dikeluarkan oleh MOF pada lima hari bulan setiap bulan. Apabila dapat kadar itu, syarikat ini akan membuat permohonan untuk tuntutan subsidi inilah. Inilah tuntutan dan ditolak kadar tetap *evaporation cost* dalam *one percent* daripada tuntutan. Itulah formula yang telah diberi kepada kami dan kita akan semaklah. So, *next*.

**Tuan Pengerusi:** Dato', dia ada enam syarikat dalam carta alir proses ini. Selepas itu apabila ada tuntutan itu semua, adakah setiap— ini saya hendak bertanya sebab saya kurang arif mengenai perkara ini. Setiap syarikat ini, dia ada dia punya *limit* atau tidak? Dia punya kuota atau *limit* untuk setiap syarikat. Atau pun *free flow*, semua orang pun boleh mohon berapa banyak subsidi?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Tidak ada *limit*.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada *limit*?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya. Tidak ada *limit* dari segi...

**Tuan Wong Hon Wai:** Maksud dia...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya kalau maksimum dia sudah sampai, dia sudah tidak boleh lagi hendak mohon? Tidak ada? Memang *free flow*? Lagi banyak dia jual, lagi banyak dia boleh *apply* untuk subsidi?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes, subsidi.

**Tuan Wong Chen:** Dato', *can you give a breakdown* dari enam syarikat ini, berapa *percent* dia *control market*?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Oh!

**Tuan Wong Chen:** Macam Petronas Dagangan, *do they control 30 percent, 40 percent of the market*? Ada atau tidak?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Maaf, Yang Berhormat, saya tidak ada *figure* itu. *There is no— I don't think...*

**Tuan Wong Hon Wai:** Dato' Seri Paddy ...

**Tuan Wong Chen:** *That is based on your claim, right? I mean you are processing their claim, so you must know what their market share is. No?*

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Berdasarkan *claim*, Dato'.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Berdasarkan *claim* ya?

**Tuan Pengerusi:** Berdasarkan *claim* mesti ada. *For example*, Petronas berapa banyak, *then* dia sudah jadi *equal to* berapa *percentage* daripada keseluruhan *claim* tersebut. Data tersebut mesti ada daripada Kementerian Kewangan sebab Kementerian Kewangan yang bayar *every month*.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Yes. The jumlah itu— let me see. Kita ada figure itu atau tidak? [Merujuk kepada pegawai]*

**Encik Ma Hadi bin Ma Hasan:** Kita ada tapi kena buat kiraan.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Kena buat kiraanlah. Di mana kita dapat *figure* itu nanti? Dalam penyata dihantar...

**Tuan Pengerusi:** *Claim* lah.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Dia boleh *claim*...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Ma Hadi bin Ma Hasan:** Ada, tetapi kena buat *calculation*-lah. Akan tetapi dari segi pembayaran sebenarnya...

**Tuan Wong Hon Wai:** Sementara kira, saya hendak tanya.

**Tuan Pengerusi:** Nanti kejap.

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya, sementara dia kira, saya hendak tanya satu soalan tentang tidak ada *limit* ya. Maksudnya, berapa *claim* MOF akan bayar? Tidak ada...

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya lah.

**Tuan Wong Hon Wai:** Kalau begitu, pembekal ada motivasi untuk membekalkan sebanyak-banyak kepada pasaran.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Akan tetapi kita tengok jugalah, Yang Berhormat, *with due respect*, pembekal-pembekal yang *ordinary* punya pembekal, *these are well-established companies, big companies*. Bukanlah satu *interest for them to do that kind of thing, especially* dengan kita ada sistem di mana kita akan semak jumlah dia. Selama ini pun dia tahu dan dia dikehendaki untuk mengeluarkan *invois* dan sebagainya untuk kita semak. *So, on that basis, I*

*don't think so* kita akan sengaja keluarkan. Selama ini pun kita ada jumpa kekurangan— kurang tutup pun ada, lebih itu pun ada. Tetapi pada umumnya tidak ada lah kita jumpa *fraud*-lah kalau ingin kita...

**Tuan Pengerusi:** Kalau yang bayaran lebih itu, macam mana boleh terbayar lebih itu?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ia terbayar lebih apabila berlakunya...

**Tuan Pengerusi:** *Human error*?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes, salah satu mungkin. Itu tidak boleh dinafikan. Biasanya syarikat pembekal, dia akan minta daripada depoh-depoh itulah. *So, that time* itu kemungkinan ada kesilapan...

**Tuan Pengerusi:** Daripada depoh itu daripada mana?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Depoh.

■1540

**Tuan Pengerusi:** Daripada depoh, maknanya dia minta...

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Figures* jualan untuk dihantar kepada ibu pejabat pembekal masing-masing, contohnya Petronas...

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** ...Di mana di situ lah mereka akan hantar dua *claim*. Satu kepada...

**Tuan Pengerusi:** Kastam.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** ...Kastam dan satu lagi kepada MOF.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya *claim* yang sama dihantar pada dua tempat?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya hendak tanya soalan susulan ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap. Kesian ustaz.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Oh, okey. Maaf. Maaf.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Terima kasih kerana simpati pada saya. *[Ketawa]* Saya masih tidak faham lagi. Saya tidak mempertikaikan daripada kesahihan tuntutan yang mereka buat— enam syarikat ini— tetapi bagaimana negara mengurus bajet sehingga *unlimited* tadi itu? Makna, sampai ke peringkat macam mana bila kita kata, "*Oh, dah tidak boleh lagi dah*"? Maknanya, adakah selagi ada *claim*, kita bayar sahaja? Itu soalan saya tadi.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Dari segi kawalannya, itulah kawalan di pihak Jabatan Kastam, Yang Berhormat. Dari segi polisinya, kita akan bergantung kepada apa-apa arahan

daripada MOF. Kemungkinan masa itu mungkin, tidak tahu, selama ini mungkin sampai RM3 bilion kah pada masa itu kita *stop*, itu kita tunggu sahaja arahan yang berikutnya. Di pihak kami...

**Tuan Pengerusi:** Pernah sampai...

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *So far, the latest one, one point something billion i think.*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ketua Pengarah Dato' Seri Paddy ya.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Saya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya dimaklumkan tadi bahawa enam syarikat tersebut pada pandangan Kastam merupakan syarikat yang besar yang dikira sebagai *established*. Atas dasar itu, persoalan saya, kenapakah untuk enam syarikat yang *established* ini, semakan JKDM terhadap tuntutan khususnya subsidi LPG masih lagi mengambil masa antara 14 hari hingga 649 hari? Adakah isu ini dipanggil birokrasi atau sebagainya?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan kelewatan ataupun mengambil masa yang lama ini, kita ada *slide*-nya. Bolehkah saya—nanti kemudian ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Sebelum *slide*, hendak tanya MOF sahaja. MOF ada di sini. Jadi, setakat ini, MOF tidak ada komentar berkenaan dengan kawalan yang perlu dikemukakan ataupun kawalan yang tidak perlu diberikan dalam hal tuntutan subsidi LPG?

**Encik Ma. Sivanesan:** Okey. Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, dari segi kawalan ataupun sekatan *limit* itu memang tidak ada. Sekarang ini, subsidi yang diberi untuk LPG *cooking gas* untuk kegunaan domestik sahaja. So, kawalan dia dari segi tuntutan syarikat adalah ke atas pengeluaran tong 10 kg, 12 kg dan 14 kg. Selain daripada itu yang dia juga keluarkan dalam saiz-saiz lain, tidak diberi subsidi. So, audit Kastam bila dia buat verifikasi ke atas pengeluaran jenis tong-tong tersebut sahaja.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Jadi, MOF tidak ada komen lanjutan? *You are happy with the way things are being done?*

**Encik Ma. Sivanesan:** *That is the current practice that we have. There is no limit.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *So, you have no opinion on the matter?*

**Encik Ma. Sivanesan:** *No opinion in the sense that currently that is the practice that we have that there is no limit.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Cuma kalau saya boleh kemukakan soalan berkaitan kepada MOF. Kebiasaannya, bila ada sebuah dasar seperti dasar pemberian subsidi

ini, sewajarnya mungkin ada sasaran yang kita hendak capai. Cuma, dalam kes ini, maksudnya— sebab pemahaman yang kita dimaklumkan bahawa antara enam syarikat pembekal ini pun kita tiada perjanjian dari segi hitam putih kenapa kaedah subsidi ini. Kalau pihak MOF boleh bagi pencerahan sedikit.

**Encik Ma. Sivanesan:** Sebenarnya perkara ini telah pun bermula— pemberian subsidi ke atas bahan api memasak LPG ini telah bermula daripada tahun 80-an. Dari segi rekod itu, kami pun bersama Jabatan Audit juga telah berusaha untuk mendapatkan rekod-rekod ini dan tidak ada sebarang rekod dari segi perjanjian dengan syarikat. Akan tetapi, berdasarkan amalan pada ketika itu, proses itu berjalan lancar dari segi tuntutan dan pembayaran dibuat secara berkala.

Dari segi kawalan subsidi yang dipohon oleh Yang Berhormat tadi, ada inisiatif pada tahun-tahun, mungkin dalam tahun 2014 ataupun 2013, kerajaan pada masa itu berusaha ke arah rasionalisasi subsidi. Ada beberapa langkah yang dicadangkan termasuk untuk mengapungkan harga jualan untuk tong gas ini kepada satu tahap tertentu untuk mengawal tanggungan subsidi oleh kerajaan. Ada usaha-usaha pada ketika itu. Walau bagaimanapun, saya rasa benda itu tidak dilaksanakan.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, adakah dengan teguran daripada Audit dan apabila didapati banyak dokumen pun tidak ada— *you mentioned it just now, you tried to find the documents, couldn't find the documents*— tidak kah ini akan memberi rangsangan kepada kementerian untuk memulakan suatu yang baharu, *maybe* panggil keenam-enam ini dan *do a different agreement* ataupun perjanjian? Macam mana, Datuk Siti?

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Daripada masa saya berada di MOF, saya lihat *efforts* untuk *control subsidy* ini memang ada. Cuma, pelaksanaannya menjadi masalah. Sebab, *we are aware of the leakages in the market but however, the issue of trying to contain within the B40 group*, tong itu, *the monitoring is the problem*.

Satu lagi, kita pun tidak hendak sekat *the numbers of* tong untuk dijual sebab nanti *issue of not enough supply*. *But, the problem of trying to identify how the dealers sell to the consumer is an issue*. Susah hendak monitor lah. Jadi, *how do you know that actually* yang pembeli itu adalah domestik punya *consumer* ataupun komersial punya *consumer*?

Komersial dengan domestik pun tidak ada istilah yang mengatakan ini adalah komersial, ini adalah domestik. Jadi, kedai-kedai dan restoran pun boleh beli *on domestic* punya *price and yet* guna untuk penjualan makanan lah.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, Datuk. Dari jawapan Datuk, saya ingat adalah jelas bahawa, seperti yang dibentangkan oleh Jabatan Audit kepada kami tadi, adalah *is the total lack of*

*regulation over the matter.* Tidak ada definisi bagaimana hendak membezakan domestik dan perniagaan. Itu nombor satu.

Apa yang lagi serius adalah tidak ada mana-mana punca kuasa yang menyatakan bahawa tong 14 kg dan *below* hanya boleh dijual kepada domestik sahaja. So, apakah tindakan daripada MOF untuk menangani masalah yang dibangkitkan ini?

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Sebenarnya MOF fokus *on how much subsidy calculation.* Polisi ini sebenarnya dengan KPDNHEP. Kalau tidak salah saya, ada beberapa *ministry*— dia beralih daripada satu *ministry* ke satu *ministry.* *Mr. Siva, can you?*

**Encik Ma. Sivanesan:** *I think* secara ringkasnya, tiga pihak terlibat iaitu daripada MOF, *operationally* kita akan tetapkan kadar setiap bulan dan juga dari segi pembayaran, verifikasi oleh Kastam dan dari segi *enforcement* oleh KPDNKK.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya *you* ada tetapkan dasar. Tadi kata semua orang boleh. Siapa yang hantar...

**Encik Ma. Sivanesan:** Tidak. Kadar. Kadar.

**Tuan Pengerusi:** Kadar? Ha, okey, okey. Terima kasih.

**Encik Ma. Sivanesan:** Kadar...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *But not kawalan, is it?*

**Encik Ma. Sivanesan:** Penentuan kadar subsidi untuk setiap kilogram. Sebab APM untuk produk ini dikawal oleh MOF.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Ma. Sivanesan:** Semasa— 70 sen sekilogram subsidi.

**Tuan Wong Chen:** *I have a further question, Mr. Siva. Maybe Mr. Siva can answer on behalf on MOF lah. I understand that you are basically the accountant or at least the paymaster for this issue and the enforcement is part of the domestic trade. Right? But surely you must know, you must have the data how many poor people that are actually use this. Right? Do you have a number on how many— what is the actual requirement of the B40 that uses this tong? If you are paying subsidy for one million tong when the actual demand from poor people is only 800,000, you have 200,000 leakage problem. Surely you must have this kind of data and you must talk to the enforcement part. There must be some opinion from the paymasters how big is this problem.*

#### ■1550

*Because the next question is obviously, you know, the Auditor General estimated RM1.7 billion of losses over the period of three years, which averages about RM600 millions of leakages a year. Do you agree that number? And what is your number?*

**Encik Ma. Sivanesan:** So, berhubung dengan isu *leakage* tadi, sebab isunya berbalik pada sama ada definisi domestik itu termasuk sektor komersial ataupun tidak dari segi pelaksanaan, *so we don't have the— we don't match against B40* sebab apabila dasar pemberian subsidi LPG ini dimulakan, *it was a blanket subsidy for household* ataupun *domestic use*. So, seperti yang saya jelaskan tadi, ada usaha-usaha untuk menangani isu ini dengan sama ada cara mengapungkan harga tersebut untuk menangani isu *blanket subsidy*. So, *that was part of the rationalization subsidy effort which did not take place at that point of time*.

Saya berbalik kepada Yang Berhormat tadi soalan mengenai sama ada tindakan telah diambil berhubung selepas ada audit...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Before you go there, just to ask*. Jadi, pengapungan itu adalah salah satu cadangan.

**Encik Ma. Sivanesan:** Cadangan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *That means it did not include in the domestic definition. The domestic definition even though if it includes households dan juga industri, it doesn't matter, right?*

**Encik Ma. Sivanesan:** *It doesn't matter because...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Because your focus is pengapungan*.

**Encik Ma. Sivanesan:** Ya. *Because there was other assistance were put in place such as BR1M to address the lower income group*.

**Tuan Wong Chen:** *Okay, so this LPG is basically domestic use. It doesn't matter if you are multi-millionaire, you still get the same price, right? How many families are there in Malaysia? Simple question. How many keluarga? One million? Two million? Five million? There are 30 million of us, right? So, how many of them, then you kena estimate one keluarga pakai enam tong setahun kah, tujuh tong setahun, that roughly the numbers lah. Ever you all done this basic mathematics? Therefore, you can see the supply and demand— you know, the different show between the two. That is your problem, right?*

**Encik Ma. Sivanesan:** Okey, Yang Berhormat, berbalik pada soal sama ada kita akan adakan tindakan pembetulan itu selepas audit. Kita memang telah mengadakan perbincangan dengan semua agensi. *So, we planned— I mean this is dalam tindakan lagi— untuk mengadakan perjanjian dengan semua syarikat pembekal, mengadakan SOP untuk proses bayaran tadi dan juga beberapa lagi teguran yang dibuat oleh audit. So, this one kita expect by end of this year or first quarter of next year will be in place* dengan lengkaplah prosedur itu.

**Tuan Wong Kah Woh:** Encik Siva, kami juga difahamkan bahawa setiap kg yang harga paras dia tanpa subsidi adalah RM1.90 setiap kg. So, siapa yang menetapkan paras ini dan berapa kerap ia akan bertukar?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yang saya faham, subsidi itu akan dikira mengikut *Automatic Price Mechanism (APM)* dengan formula...

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, betul, betul. Soalan saya, yang *the base price without subsidy is actually RM1.90* per kilo, per kg. So, siapa yang menetapkan RM1.90 itu? Siapa? Kastam?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** No.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Who?*

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Ministry.*

**Tuan Wong Kah Woh:** MOF?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** MOF.

**Tuan Wong Kah Woh:** MOF. So, berapa kerap paras ini akan diubah?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Taip-tiap bulan akan dimaklumkan kadarnya.

**Tuan Wong Kah Woh:** No. Taip-tiap bulan itu berkenaan dengan APM. *I am now talking about the base price.*

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Base price.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** MOF lah.

**Encik Kamarul Ariffin bin Zakaria:** Yang Berhormat Ahli PAC, Tuan Pengerusi. Untuk makluman, kadar APM ataupun kadar bersubsidi RM1.90 per liter dan per kg adalah ditetapkan oleh KPDNHEP. KPDNHEP sebagai agensi yangewartakan harga tersebut dan yang terkini diwartakan bermula pada 1 Jun 2015.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Sorry?*

**Encik Kamarul Ariffin bin Zakaria:** 1 Jun 2015 diwartakan pada kadar RM1.90 berbanding sebelum itu RM1.60.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey, faham.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, cuma tadi ada soalan berkaitan dengan pegangan pasaran tadi, sudah siap kira kah belum? Hendak tahu sudah ini.

**Tuan Pengerusi:** Dia ada— sementara...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Soalan Yang Berhormat Subang. Saya ingatkan Yang Berhormat Subang.

**Tuan Pengerusi:** Sudah ada sudah jawapan? Okey.

**Encik Ma Hadi bin Ma Hasan:** Saya bacakan ya. Untuk tahun 2018, jumlah keseluruhan untuk bayaran LPG ialah RM2.917 bilion dan yang paling besar adalah syarikat Petronas

sebanyak RM1.057 bilion iaitu 48 peratus. Diikuti oleh syarikat Petron sebanyak RM271.5 juta ataupun 12.3 peratus. Seterusnya, yang ketiga, NGC sebanyak RM275.5 juta atau 12.6 peratus. Keempat, My Gaz sebanyak RM229.7 juta ataupun 10.4 peratus. Seterusnya, BHP Boustead sebanyak RM215.4 juta atau 9.8 peratus. Dan yang terakhir, KUB Gaz sebanyak RM147.7 juta atau 6.7 peratus. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Wong Chen:** *Can I just ask a simple question? Berapa tong gas did we sell total for one year? Berapa tong?*

**Encik Kamarul Ariffin bin Zakaria:** Okey, Yang Berhormat. Merujuk kepada laporan yang telah dikemukakan oleh KPDNHEP, bagi tahun 2018, sebanyak 106,000 silinder yang melibatkan 1.45 juta kg bagi tahun 2018.

**Tuan Wong Chen:** 106,000 sahaja?

**Encik Kamarul Ariffin bin Zakaria:** 106,000 silinder sahaja.

**Tuan Wong Chen:** *That cannot be right. Must be 106 million, isn't it?*

**Tuan Pengerusi:** *Million kot.*

**Tuan Wong Chen:** *Million lah. Betul lah. Okey.*

**Tuan Pengerusi:** *Million itu.*

**Tuan Wong Chen:** Jadi, soalan saya tadi senang lah. Kalau 30 juta orang Malaysia termasuk Bangladesh semua lah, *all population okay*, kalau setiap keluarga lima orang, *we have basically six million family*, betul? *Roughly lah, that is a simple math. If six million family, I am assuming—I don't use tong lah, I pakai Gas Malaysia. But, you know, I am assuming one family use one tong itu satu bulan setengah, lebih kurang, roughly. Is it right? [Disampuk]* Yang belakang itu dia memang lah. Dia masak, dia tahu. *But, let say lah for simple calculation, dia pakai 10 tong setahun. One keluarga 10 tong setahun. The demand already 60 million.*

**Puan Wong Shu Qi:** Nanti raya lagi mahu lebih.

**Tuan Wong Chen:** Lebih ya?

**Puan Wong Shu Qi:** *You hendak masak dekat rumah, tak tahu.*

**Tuan Wong Chen:** *I don't know lah, but—you know. But I think my numbers are quite accurate lah, roughly lah. Ten tong, maknanya satu bulan sedikit empat hari, dia tukar satu tong baru. So about ten tong a year, 60 million. So, if selling 100 million, you have 40 million problem. Isn't it? So, do you support the numbers that the Auditor General are talking about that you have a ketirisan which is sebanyak RM500 juta, RM600 juta setahun tentang isu subsidi?*

*Can I suggest that the MOF department and, you know, talk to the— just get some mathematician to do some good numbers for us, an estimation. Because, this is really about the*

*domestic usage. It is not really difficult to find out from Statistic Department how many families they are and how many tong they use on average.*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** *Tuan Pengerusi, I think we should take into consideration also that some of the cylinder are sold to petty traders, you know, and what we call food operators. So, it is difficult for us to judge whether— you know, they also entitle for the subsidy or— you know, there is no policies on it.*

■1600

**Tuan Wong Kah Woh:** *Datuk, I think the key thing is the PAC is asking you all to actually look into that part, which are not entitled for the subsidy. This is because when we use the word “domestic”, we all know domestic for us is household but just now Mr. Siva said domestic we also cannot control them or using it for their businesses, which I think is quite ridiculous lah. When you send it to the shop, that is for the commercial use. You send it to their house, and that is for domestic lah. It is on the part of the enforcement.*

**Tuan Wong Chen:** *Datuk, I understand your petitory, the issue, but policy wise, you are telling me that the Government of Malaysia does not have a clear policy what domestic cooking oil really means.*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** *We do. It is just that the idea of floating itu did not materialize. That was how we wanted to approach this matter.*

**Tuan Pengerusi:** *Maknanya, dekat kementerian memang sudah tak ada takrifan untuk komersial, domestik, industri?*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Tak ada takrifan.*

**Tuan Pengerusi:** *Tak ada? Tak ada takrifan itu? Ada langkah-langkah yang dibuat kementerian untuk memastikan takrifan itu ada setelah berpuluh tahun?*

**Tuan Wong Kah Woh:** *I think the cadangan for the floating is a totally separate issue.*

**Tuan Pengerusi:** *Sebabnya, bila kita tengok antara keputusan ataupun apa yang didapati oleh Audit adalah— ada maklumat yang diberikan kepada kita dalam LKAN. Jenis jualan LPG bersubsidi ini kepada bukan golongan sasaran untuk tiga tahun ini, yang paling banyak pengguna dia adalah dobi. Dobi ini dia bukannya kumpulan *household* sebab dia adalah komersial. Jadinya, itu yang kita khuatir. Oleh itu, kalau kita tengok, berapa sebenarnya yang orang ini dapat.*

*Ada juga maklumat diberikan kepada kita, penggunaan tahunan untuk setiap silinder ini— untuk bandar adalah tujuh, luar bandar adalah 12. Maknanya luar bandar memang lebih daripada bandar. Ini melalui induksi yang dibuat oleh Audit bersama dengan pembekal yang dengan yang*

lainnya. Maknanya dia tak banyak. So yang *the rest*-nya adalah lebih kepada komersial. Maknanya subsidi itu tak sampai ke sasarannya.

Jadinya, pada pandangan saya, Kementerian Kewangan sepatutnya sudah memikirkan untuk— kalau takrifan itu adalah satu masalah, mengapa susah sangat hendak buat takrifan? Ada kekangan kah hendak takrifkan ini untuk *household* ataupun— apa jawapan daripada Datuk mengenai perkara ini?

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Apa yang saya *observe*-lah for the last few years itu, takrifan *is not the big matter*. The big issue is actually when the cylinders are sold at the shops or at, you know, centres kah apa, there are different people buying. So, you kena enforcement dekat that juncture actually. But you cannot expect at every shop there is a Custom Officer to actually control that.

**Tuan Wong Kah Woh:** But the problem now is there is no law for you to do enforcement also kan? I think that is one part, either MOF or other kementerian or Customs have to come up with the law. So, to execute the enforcement is one issue, but now you do not have the punca kuasa to actually enforce.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Exactly.

[Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Sebab *Domestic Trade* maybe dia boleh bagi tahu sebab tidak ada takrifan.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** There is no law. I mean peruntukan dia tak ada.

**Tuan Pengerusi:** Itulah dia.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** That was what informed to us by KPDNHEP.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Can I ask a follow-up from Datuk Siti, Tuan Pengerusi?

Basically, from pandangan MOF ataupun pandangan Perbendaharaan, menggunakan mekanisme APM sedia ada termasuklah pengawalseliaan dalam subsidi ini adalah sesuatu yang sangat *costly*, nilainya sangat tinggi, maka pendirian yang terbaik adalah to allow proses pengapungan. Maksudnya kalau mahu membantu golongan tersasar, terus pergi kepada *cash transfers* ataupun pemberian seperti BR1M lah sebelumnya.

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Itu adalah pendekatan yang *very cost effective*.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tuan Pengerusi, saya ini segan hendak sebut ini tetapi saya cuba hendak fikir dengan bahasa yang mudah. [Ketawa] Pengguna gas ini salah satunya komersial kan yang kita tidak sepatutnya bagi subsidi kepada dia. Kemudian yang domestik, kalau kita katakan mereka ini adalah pengguna biasa, kita hendak di kalangan domestik ini ada yang kita sasarkan orang miskin dan orang kaya. Okey.

Kenapa KPDNHEP tidak mengeluarkan satu *circular*— dia tak perlu untuk dibawa ke Parlimen. Dia terus mengeluarkan arahan bahawa contohnya dobi, mereka tidak boleh menggunakan tong gas 10 kg, 12 kg, 14 kg sebab 10 kg, 12 kg, 14 kg itu kita bagi subsidi. Mereka kena beli tong yang panjang. So kalau mereka menggunakan di kedai dobi itu tong 14 kg, kita anggap dia telah melanggar pekeliling ini. Ini kena *urgent* sebab duit ini terus kita rugi. Dan saya rasa tak perlu dibawa ke Parlimen sebab benda ini adalah kuasa yang ada pada Menteri KPDNHEP dan sepatutnya MOF dan juga Kastam memberikan cadangan ini segera kepada mereka untuk melakukan perubahan. Untuk yang itu, kalau saya fikir bahasa yang mudahlah. Mungkin saya silap. Minta maaf.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yang Berhormat, kita akan fikirkanlah. Drafnya bagaimana kita hendak menyasarkan, memberi takrifan mungkin...

**Tuan Pengerusi:** Sebab nanti *domestic trade* dia akan cakap apa? Sebab semuanya dibayar oleh Kementerian Kewangan. So, dia cakap...

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya lah.

**Tuan Pengerusi:** Tiap kali hantar, Kementerian Kewangan bayar. Jadi tak ada silaplah sebab Kementerian Kewangan bayar. Mana ada silap pada dia orang.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Itu yang hendak kena ada *that regulation*.

**Tuan Pengerusi:** Yes.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Mungkin *schedule* kah dan sebagainya, kita boleh tentukanlah. So kita akan berbincang, duduk dan...

**Tuan Pengerusi:** Okey, kenapa lambat?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Lambat? Okey, tapi lambat lagi sebenarnya Yang Berhormat. Kita ada...

[Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Datuk, teruskan. Teruskan *presentation*.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Contoh tadi *invois* ya. Contoh kalau hendak tengok lah. Okey, ini *invois*nya lah. [Merujuk pada *slaid pembentangan*] Pada sekian-sekian, dan kita tengoklah dia punya silinder— 12 kg, 14 kg. Yang ini kita akan tentukan. Kalau dia jual yang 50 kg, tak boleh *claim*-lah.

Okey, *next*. So *this is the process* tadi ya. So, kronologi kita ialah, *of course everyone knows*, Audit telah menjalankan— okey. Cuma sekarang ini... [Disampuk] Yes, *of course*. Yes. Cuma, *slaid* seterusnya berdasarkan kepada Jawatankuasa Tindakan Ketua Audit Negara kelmarin. Daripada situ, kita akan huraikan melalui maklum balas lah. Ini yang kami rasa yang

hendak dipersoalkan hari ini. Okey. *[Disampuk]* Yes, daripada jawatankuasa itulah, maklum balas yang itu.

**Tuan Pengerusi:** Kita boleh tanya semua sekali, tahu?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes, yes, of course. *But we were prepared for this.*

Okey, *next*. Jadi pada tarikh 8 Ogos kelmarin, kita hendak— itulah, perlu tetapkan dasar golongan sasar. Okey. Dasar berkenaan golongan sasar. *So, this is what we will need to do.* Sepertimana yang dicadangkan oleh Jabatan Audit Negara, sama ada melalui pindaan ataupun akta baharu, *which is...*

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa tindakan? Sebab perkara yang berbangkit dalam mesyuarat ini dijalankan pada 8 Ogos. Di antara 8 Ogos dengan sekarang ini, ada apa-apa tindakan kah? Ataupun belum ada apa-apa tindakan dibuat berdasarkan kepada cadangan 3.1 itu— "*Perlu menetapkan dasar golongan sasar*"?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Dalam tempoh sebulan ini...

**Tuan Pengerusi:** Tak ada apa-apa?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Tak ada.

**Tuan Pengerusi:** Belum lagi?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Cuma, ada jawatankuasa *task force* ditubuhkan sebelum ini. *So, the first meeting I think—* bila? Saya pun lupa tarikh dia. *First meeting when?* *[Merujuk kepada pegawai]* Ha, 14 Jun *and then later on we—* masa itu kita sudah pilihlah apa hendak dibuatkan.

**Tuan Pengerusi:** 14 Jun?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya. *Quite sometime ago* lah, *but we are waiting...*

**Tuan Pengerusi:** Maknanya sebelum perkara berbangkit dalam Mesyuarat ini lah? Maknanya kementerian...

**Encik Ma. Sivanesan:** Selepas audit...

**Tuan Pengerusi:** Dibuat.

**Encik Ma. Sivanesan:** *Exit conference* itu, kami sudah terus ambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Antara perkara yang dibangkitkan ialah SOP diwujudkanlah untuk pelantikan pembekal dan proses tuntutan seperti yang kita laksanakan sekarang ini. Ada penambahbaikan.

Juga dibangkitkan ialah berkenaan dengan lebih bayaran kepada syarikat pembekal sebanyak RM45 juta. Ini yang hendak diterangkan di sini. Okey, *next*. Ini maklumatnya. *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

Okey. *Overall picture*-nya ialah pada masa audit bulan September kelmarin, jadi RM39.3 juta telah dikutip semula. Ini dalam Laporan Audit. Kemudian sehingga ke September 2019, kita sudah selesaikan RM6.27 juta. Selesai ini maksudnya ada yang bayar, ada yang tak nak tuntutan, ada yang masih berfikir hendak buat apa. Dia hendak buat audit dalaman dia sendiri sebelum dia kemukakan apa-apa tuntutanlah. Kemudian yang lebihnya yang bila kita tolak diselesaikan dan sebagainya, tinggalah yang perlu dikutip sekarang ini, yang akan dikutip adalah RM184.

*Next.*

■1610

**Tuan Wong Chen:** *As a percentage, Dato' Seri, is very small. It is less than one percent the variation. So, we understand, there's no issue on that.*

*My fundamental question, I have to rush of unfortunately, do you agree with the finding of the Auditor General that there was RM1.7 billion ketirisan dalam tiga tahun itu? That is all I really want to know. If you agree or MOF agrees that you have problem, then let's find some solution. Do you agree with the Audit finding or not? Or are you going to contest those numbers?*

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *If there is no kumpulan sasar yang ditetapkan, then it is difficult to say ada ketirisan in the sense that legally by words tidak ada arahan untuk menyatakan ini tidak boleh diberi. Isn't? Because KPDNHEP inform us tidak ada peruntukan dia, peruntukan ataupun arahan selanjutnya berkenaan ini. Tetapi...*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi Dato' Seri selaku Ketua Pengarah, *what do you feel* fasal mengenai ini, tidak ada takrifan...

**Tuan Wong Chen:** Tidak. Dobi ini pun...

**Tuan Pengerusi:** Itulah, saya hendak tanya di sini. Memang betul tadi tidak ada peruntukan, tidak ada *act*, tidak ada apa tetapi Dato' Seri macam mana?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Oh, *yes*. Sekarang ini bila kita tengok kalau kita percaya subsidi ini adalah untuk domestik sahaja, *then yes, it should not be given* lah. Itulah, *yes*, betul-betul.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itu kena ada *follow up*. *My follow up question will be* bila?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya, *I agree*, bila.

**Tuan Pengerusi:** Bila mula hendak berbincang mengenai— *you have to sit down seriously* dengan *Domestic Trade* untuk bincang, pertamanya, mengenai apa boleh apa tidak bolehlah. Tidakkah Kementerian Kewangan *want to spend money unnecessarily? This is public fund that we are talking about.*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Kami lagilah tidak hendak membazir duit *public*. Akan tetapi kalau tidak ada *political will*, hendak buat macam mana?

**Tuan Wong Chen:** *So, am I right to suggest that actually you have to talk, not only to the Minister of Domestic Trade, you actually have to ask the Cabinet for guideline? Is that true?*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Sudah banyak kali dibentangkan.

**Tuan Wong Chen:** *Never mind. The PAC will write the recommendation for the Cabinet to make a guideline, a proper guideline, so that we can at least clear all this. We don't blame you. We just see the problem is about 40 percent, you know. Kalau lari lima atau 10 peratus okey lagi, kita faham.*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Kami lagi susah sebab tidak cukup duit hendak bayar untuk *operating expenditure*.

**Tuan Wong Chen:** *I know.*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Lagi susah.

**Tuan Pengerusi:** Saya tengok semua orang hantar, *you all* kena bayar. Dan bila tidak ada limit, jadinya orang boleh lagi kejar. Dia buat *marketing*, lagi banyak, lagi banyak dia *claim*. Kalau tidak bayar, kementerian akan dipersalahkan. Okey, jadinya kita ambil maklum apa yang tadi Datuk Siti Zauyah nyatakan.

**Tuan Wong Chen:** *Thank you so much.*

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Seterusnya ialah penambahbaikkanlah. Selepas diberi kedapatan dan teguran oleh Jabatan Audit, kita mengkaji semua proses auditan. Ini yang timbul mengapa lambat ini. *[Ketawa]* Kita mengubah kaedah format dan penghantaran penyata supaya kita boleh di peringkat negeri kita akan mempercepatkan dan membuat pemantauan yang lebih rapilah tentang penghantaran dan semakan oleh pegawai.

Seterusnya, kita juga akan mengadakan mesyuarat berkalah sebagai *refresher* lah bukan sahaja dengan pegawai tetapi dengan depoh-depoh untuk menentukan— *we can even* lihat pada sistem *accounting* dia *and make sure* di manalah kalau berlaku pun kesilapan, apalah tindakan yang dibuat dan bagaimana kesilapan itu tidak boleh berlaku.

Okey, *next. I think that is all.* Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sudah habis?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Yes, done.*

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa soalan, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Okay, there is another slide.*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *There is another slide because pada masa tindakan hari itu, tidak ada dibangkitkan isu lambat ini. So, we are ready. It's okay, that one we are ready because kita tengok ada dua isu yang besar.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ini mungkin *nervous* sebab ini hendak terangkan *why we are late* lah. *I hope* Yang Berhormat *will be a little bit— I know, can understand* apa yang kita hendak buat. *We look at the whatever...*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Tuan Pengerusi:** Okey, Dato' Seri, hendak tunggu ini? Sudah? Kalau tidak ada, saya hendak tanya satu lagi. Ini mengenai sistem oleh Kementerian Kewangan. Sebab, saya khuatir sebab ada banyak. Bila kita bertanya, ini ada sistem ini— ini apa nama sistem? Sistem apa ini?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Data petrol.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Data petrol?

**Tuan Pengerusi:** Sekejap. Saya pun dah macam Dato' Seri dah ni. [Ketawa] Semua data-data ini— sebab banyak sangat sistem yang ini sekarang. Cuma, saya hendak faham, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian dan juga Kastam, kalau ada apa-apa sistem terutamanya sistem mengenai data petrol, uCustoms, selepas itu sekali pula dengan KPDNHEP ini semua, adakah ia *integrated* kah ataupun berasingan?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Buat masa ini, Tuan Pengerusi, berasingan. Apa yang kita buat untuk uCustoms, yang kita cadang untuk buat tetapi masih lagi dalam peringkat pembinaan modul ialah syarikat akan menghantar secara *online* dan dia pun *upload* invois-invois dan sebagainya secara *online* juga. Maknanya dia *upload* data-data dia berbentuk *excel file* dan sebagainya. Sekarang ini dia hantar *hardcopies*. Jadi bila kita ada dalam bentuk *digitize* ataupun *electronic form, softcopy form*, kita lebih cepat untuk membuat *sorting* dan sebagainya, kalau perlu, dan kita boleh pilih mana satu yang perlu dibuat semakan fizikal, contoh.

Itu kita cadangkan untuk penambahbaikanlah dari segi sistem. Lagi eloknya kalau sistem di syarikat, dia bukan link tetapi dia boleh *integrate*, tunjuk...

**Tuan Pengerusi:** *Integrated* lah.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes. Dia boleh tunjuk invois yang dikeluarkan oleh syarikat ini sama dengan tuntutan yang ada dengan invois yang ada. Dia keluarkan invois, dia kena— depoh ini dia kena keluarkan invois dan diberi kepada kita secara *softcopy*. Kita boleh *match*.

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak berlaku sekarang?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Belum lagi.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya dia *separate* punya sistem lah ini?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Kastam, Kastam. Selepas itu yang lain itu, yang lain ya, dia tidak *integrated* lah ini.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** No, of course.

**Tuan Pengerusi:** Sebab, penting untuk ada— tidak ada perancangan untuk membuat satu sistem yang *integrated*? Sebab tadi Dato' Seri maklumkan bahawa masih lagi dalam pembinaan. Adakah ada cadangan untuk membuat supaya ia *integrated*, jadinya untuk memudahkan semua pihak?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Dari segi semakan yang diperlukan oleh Jabatan Kastam, kemungkinan *integration* itu tidak perlu sebab kalau memandangkan koslah, *integration cost* selalunya tinggi antara sistem. Akan tetapi kalau ada keperluan dan boleh dimudahkan, kita akan kaji. Kita akan kaji keperluan untuk *integrate* itu dulu.

Sebab, di Jabatan Kastam, kita semak, di sini untuk pembayaran. Cuma yang bezanya, yang hendak diperlukan ialah baucar itu, baucar pembayaran oleh MOF tadi dihantar pada sistem kita. Yang itu mungkin kita boleh *sort of integrate or* salurkan maklumat itu sahajalah daripada sistem MOF ke sistem kita. Apa yang pentingnya ialah kita hendak semak. MOF dalam pembayaran— *different*.

■1620

**Tuan Pengerusi:** Maksudnya daripada jawapan Dato' tadi...

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Saya.

**Tuan Pengerusi:** Bermaksud tidak ada?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau sekiranya ada keperluan, akan kaji?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes. Kita akan kaji sama ada keperluan itu benar-benar akan...

**Tuan Pengerusi:** Menguntungkan.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** ...Menguntungkan dari segi kecepatan untuk memproses. Yang kita *interested* sekarang hendak cepat proses.

**Tuan Pengerusi:** Okay. All right.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** So, next. Ini senarai syarikat tadi. [Merujuk pada slaid pembentangan] Enam syarikat ini mempunyai sebanyak 31 depoh mengikut negeri ya. Banyaknya ialah di Pulau Pinang. Johor ada empat buah, Selangor ada empat buah depoh dan juga Sabah ada empat depoh. So, inilah pertaburan depoh. [Merujuk pada slaid pembentangan]

Depoh-depoh inilah yang akan menghantar permohonan kepada HQ dia, *and then* HQ dia— contohnya pembekal itu akan hantar permohonan kepada kitalah, kepada negeri.

Apabila kita tengok di sini daripada tahun— untuk negeri Selangor ya. Insiden mengambil masa lebih daripada 300 hari ke atas sudah tidak ada berlaku di Selangor ini. Sebelum itu, saya ingin memaklumkan pegawai yang membuat atau memproses ini di Selangor ada seorang sahaja. Itu yang— okey. Ya lah, dialah— nanti kita tengok. Inilah antara tempoh yang diperlukan. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* *Of course* dia ada buat semakan, mungkin tidaklah 100 percent. Kalau 100 percent, *it will be even longer*. Tetapi inilah tempohnya, pada masa itu. Tetapi pada tahun 2017, ia sudah ditambah kepada dua orang. Selepas itu kita nampak insiden mengambil masa yang terlalu lama itu, itu tidak berlaku lagilah. Akan tetapi kita tengok di sini, kita ada 36 borang untuk disemaklah.

Okey, *next*. Ini adalah Selangor... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Ini sudah *satisfied*. *Next*. Untuk Pulau Pinang begitu juga. Apabila kita tambah pegawai— Pulau Pinang ada berapa ya? Dua orang ya? *[Merujuk kepada pegawai]* So, ini pun dikata kurang. *But yes*, 300 ke atas ada. *Next*. Di Sabah, *we still have an issue, still having because* kita pun hendak semak. Pegawai itu sudah ditukarkan dan *we are looking at some improvement* lah *this year*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Why?*

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Sorry, Yang Berhormat?*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Pegawai ditukar?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya, pegawai itu kita akan tukarkan sebab dia ada isu mungkin tidak faham dan sebagainya. Kita sudah tukarkan. *We are now make some* penambahbaikanlah dari segi tugas.

*Next. Of course, tataranya is the biggest factor.* Kita kena semak berat tong yang layak mendapat subsidi tadi, kan? Yang layak itu maknanya 10 kilogram, 12 kilogram, 14 kilogram. Yang 50 kilogram itu *no*. Sama ada— *the issue* tadi hendak bagi dia orang *check* ya. *Then*, kita semak juga— diberi *note* kepada pemborong, *we make a call, "Did you actually received this amount?"* Kita kena semak jugalah.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang *call* itu?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Pegawai.

**Tuan Pengerusi:** Yang buat *random check*-lah kan?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** *Random check*.

**Tuan Pengerusi:** *Random check*-lah itu.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** So, inilah yang hendak...

**Tuan Pengerusi:** Kementerian atau Kastam?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Kastam. Ini *all* Kastam. Sebab kita hendak semak pembekal ke pemborong. *And then* kita buat kiraanlah. *The kiraan is not the difficult thing. And then* kita kiralah yang hendak dituntut berdasarkan surat kadar. *That is very simple-lah, simple mathematic.*

*Next.* Itu satu. *And then we have* beban. Ini adalah— *we get a round, simple one will be a round—* pelepasan penyata itu 120. Kalau dia macam kalau setiap syarikat itu yang hantar kadang-kadang satu muka surat, ada yang dua muka surat, kalau dua muka surat itu maknanya kali 30 muka surat bersamaan 60 muka surat. Kalau setahun, 240 muka surat.

**Tuan Pengerusi:** Memang tajuk dia bebanan ya?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes. Bebanan menyemak dokumenlah. *We want to be— I think this time we are not particular on— this is mistake* lah. *[Disampuk]* Yes, yes. Bukan berat dokumenlah. *It seems as if document* itu beratlah. So, dalam kita— pegawai akan melihat antara 4,000 hingga 5,000 *invoices* yang datang.

**Tuan Pengerusi:** Itu yang ada *human error* tadi itu kan?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Dia tengok-tengok dan sebagainya, kena *check-lah.* *That's why we need a system* itu. Kita boleh tengok dan kita boleh buat *sorting* dan sebagainya.

Okey, *next.* *Of course,* kekurangan pegawai. *This is* yang kita sebut tadilah. Di Selangor kita ada seorang hari itu, sekarang kita sudah tambah kepada tiga orang. Di Pulau Pinang dua orang. *And this is done by gred WK41 and WK19.* Kita telah tambah. *This are the process* yang kita tambah. *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

Okey, *next.* Kelemahan, di peringkat kitalah. *Of course,* kita kadang-kadang syarikat pun apabila kita *query—* dia pun ada lambat juga hantar permohonan pada— ia begini. Apabila sudah terima duit itu, dia *slow* sedikit lah kan. Kalau tidak terima duit itu, laju dia hantar. *Its human things.* *Then* kita pun kadang-kadang *query* pun lambat jugalah sebab kita buat secara bertulis dan sebagainya *and it's a lot to write.* Kita pun memberi maklum balas pada *query,* kita pun hendak— *this query in out, in out, ding-dong, ding-dong* pun mengambil masa lah.

Okey, *next.* *This is the one.* So, tugas menyemak ini sebenarnya *is one ache of* pegawai itu. Sebab, *after 10 o'clock,* borang-borang eksais dan sebagainya itu juga kena proses. Borang Eksais 7 ialah borang untuk pembayaran duti eksais untuk macam-macam baranglah. So, *it is important to look at the priority-lah.* *We whether check our process* barang yang hendak dibayar cukai daripada apa yang hendak semak tadilah. Akan tetapi, itulah kedudukannya. Selepas daripada pukul 10, 11, kita kena fokus kepada semakan permohonan borang eksais sebab nanti kalau syarikat tidak dapat kelulusan untuk pembayaran eksais, dia pun bising juga, dia pun

hendak melepaskan barang dia untuk jualan dan kita pun *going through* pemberian setem cukai. *This all the stuff* yang pegawai itu kena buat juga.

**Tuan Pengerusi:** Kalau seorang pegawai, bermaksud dia kena buat semua sekali ini?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes. Mana yang datanglah. Kadang-kadang kalau ada Borang Eksais 7, kena buat. Kalau ada permohonan pelupusan produk sisa, dia pun kena buat, *you know*. So, *this is the thing* yang melewati permohonan.

*Then...*

**Tuan Pengerusi:** Melewatkan proses *kot*.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Memproses permohonan ya. Dan juga— *this are the seven things* lah ya. [*Merujuk pada slaid pembentangan*] Ini pun belum masuk yang *non-core business* mungkin yang pergi mesyuarat dan sebagainya. Yes, *that maybe* kan? Dan semua yang jenis— itulah, *non-core business*. So, *this are the things*.

*Next*. So, tindakan kita. Pegawai yang telah lewat-lewatkan itu kita bagi amaran.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya memang ada betul-betul yang dia lewat-lewatkan kerja? Maknanya...

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya, *it's a bit too long*. I mean it cannot be...

**Tuan Pengerusi:** Ini sebab tidak ada SOP kah apa ini?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ada SOP.

**Tuan Pengerusi:** Ada SOP tetapi tidak mematuhi SOP?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya. So, pegawai itu kita kata kenapa lewat sangat *and then* sebagainya, dia bagilah *this kind of*— bukan *excuse* tetapi pergi buat kerja lain. Tetapi kalau buat kerja lain pun, ada masanya untuk dia buat. Yang itu kita akui memang ada kelewatan yang itu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya juga fasal— *to be fair, technically* pegawai yang diberikan tanggungjawab ini menjalankan tugas berdasarkan arahan dikeluarkan oleh KPDNHEP. Ini dia berpunca kuasa *from them, right?* For the subsidy, the whole mechanism itu daripada mereka. Contohnya, kalau KPDNHEP hari ini kata tidak perlu subsidi, *then you were not be burdened to...*

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** So, pegawai itu terikat dengan keputusan Kabinet, sudah tentu, tetapi *it is still under the jurisdiction* atau bidang kuasa yang diputuskan oleh KPDNHEP.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes, *rights*.

**Tuan Pengerusi:** Kastam hanya memproses dan membayar balik kan? Betul ya maksud saya? Jadinya penguatkuasaan sepatutnya adalah di bawah KPDNHEP.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Bukan pun di bawah Kastam pun.

■1630

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Apa yang dia ada, yang dihantar, perlu diproses. Tidak ada sebab untuk Kastam mengatakan tidak hendak proses. Tidak boleh. Kena proses segalanya.

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Terima kasih. Itulah kedudukannya sekarang. Dengan penambahbaikan bilangan pegawai, kita akan dapat mempercepatkan proses.

*Next.* Jadi, seperti tadi kita sebutkan, kita akan semak semula proses auditannya, kemudian kita akan melihat *risk* dan sebagainya. Bilangan hendak diperiksa pun tidak perlu kita semak banyak-banyak. Kita tengok mungkin bila kita buat *search* dan sebagainya, kita boleh kurangkanlah. Proses auditan memakan masa. *And then* kita ubahkan format seperti yang disebut tadi. Kita juga akan lebih memantaulah pergerakan ataupun prestasi pegawai yang memproses. Ini yang kita akan buat.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, adakah Kastam dapati antara sebab-sebab kelewatan ini terletak kepada pegawai berkenaan? Itu kah *conclusion* dia? Ataupun— sebab kalau tengok, tengok *performance staff*, jadi ia lebih menjurus kepada Kastam membuat keputusan bahawa pegawai yang lambat. Adakah itu betul?

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim:** Ya. Dia lambat tetapi ada sebab-sebabnya mengapa dia lambat. Itu *conclusion*-nya lah. Dia boleh mencepatkan tetapi masih lagi ada beberapa kekangan yang disebut tadi. Itulah kedudukannya.

Okey, *next.* *I think it should be thank you.* Yes. Terima kasih. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli PAC, ada apa-apa lagi soalan? Ada apa-apa soalan hendak tanya daripada belakang? Hendak tanya harga kah apa kah. Okey.

Kalau tidak ada apa-apa soalan, saya bagi pihak PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Siti Zauyah dan *team*. Terima kasih banyak Dato' Seri Paddy, terima kasih Yang Berbahagia Dato' Ahmad Maher dan semua yang hadir di hadapan PAC pada hari ini. Kalau sekiranya ada lagi keperluan, kita akan panggil semula. Kalau setakat ini, terima kasih banyak.

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** Saya bagi pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan dan juga penjawat-penjawat awam yang lain mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, ada tidak *Cabinet paper* kah apa yang berkaitan dengan tajuk yang kita tengah bincangkan sekarang? Yang dulu-dulu punya *Cabinet paper*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Just, you know, for us to make a reference.*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** *Some of it didn't even reach the Cabinet pun. We just discussed at...*

**Tuan Pengerusi:** *Ministry level?*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** *Ministry level.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Can we have a copy?*

**Datuk Siti Zauyah binti Md Desa:** *I have to check the file.*

**Tuan Pengerusi:** *Apa-apa yang berkaitan. Jadinya, ia boleh memberi sokongan.*

**Encik Ma. Sivanesan:** *...Economic Council Paper lah, that proposal.*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, please. Yes, please. Thank you.*

**Encik Ma. Sivanesan:** *There is one documentation at...*

**Tuan Pengerusi:** *Especially on the subsidy and why and everything. Okay, thank you. Thank you very much. Terima kasih.*

---

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.33 petang]**